



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5485]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Jadual

Kepala B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 5501]

Kepala B. 31 [Ruangan 5511]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 5501]

Kepala P. 31 [Ruangan 5511]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENOKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan,
TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN
K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).

„ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- .. DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Pantai).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

- Yang Berhormat **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH** (Silam).
- „ **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.** (Hilir Padas).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH** (Bachok).
- „ **DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.** (Ulu Trengganu).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L.** (Marudu).
- „ **DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.** (Jerlun-Langkawi).
- „ **RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K.** (Kuala Selangor).
- „ **TUAN NGAN SIONG HING** (Kinta).
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B.** (Tumpat).
- „ **TUAN OH KENG SENG** (Petaling).
- „ **TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.** (Kuala Kangsar).
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K.** (Alor Setar).
- „ **TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K.** (Tawau).
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S.** (Limbang-Lawas).
- „ **TUAN RASIAH RAJASINGAM** (Jelutong).
- „ **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N.** (Sungai Siput).
- „ **TUAN SANUSI BIN JUNID** (Jerai).
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN** (Kuala Kedah).
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N.** (Kangar).
- „ **DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.** (Baling).
- „ **TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N.** (Grik).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P.** (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N.** (Sepang).
- „ **WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K.** (Pasir Puteh).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P.** (Parit Buntar).
- „ **TUAN SU LIANG YU** (Beruas).
- „ **PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K.** (Kimanis).
- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Kepong).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P.** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K.** (Penampang).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **TUAN WEE HO SOON** (Bandar Sibul).
- „ **TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S.** (Miri-Subis).
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.** (Padawan).
- „ **TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.** (Ulu Muda).
- „ **TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.** (Pasir Mas).
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.** (Sungai Petani).
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B.** (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 17hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AKTA KEMAJUAN PETROLIAM

I. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar Akta Kemajuan Petroliam dan Akta Penyelarasan Perusahaan yang berusaha menarik pelaburan asing ke Negara ini patut dibuat pindaan, jika sedar:

- (a) Adakah beliau akan membuat pindaan Akta-akta tersebut; dan
- (b) Jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang sama mengenai kemungkinan meminda Akta Kemajuan Petroliam pada 27hb Oktober, 1976 semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan ini bahawa satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta ini akan dibentangkan di Dewan ini untuk mendapat kelulusan dalam persidangannya sekarang. Oleh kerana beberapa pindaan akan dimasukkan dalam Rang Undang-undang itu sendiri, maka saya tidak bercadang untuk menghuraikan butir-butirnya pada masa ini.

Mengenai Akta Penyelarasan Perusahaan, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menjawab soalan yang sama ketika menjawab soalan yang dikeduhkan oleh Ahli Yang Berhormat yang

sama pada 26hb Oktober, 1976. Oleh hal yang demikian, saya tidak bercadang hendak menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

URUSAN PENDAFTARAN PEMILIH DAN PENYEMAKAN DAFTAR- DAFTAR PEMILIH

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Berapa banyak jumlah pengundi-pengundi baru yang bertambah di seluruh Malaysia mengikut semakan daftar pemilih yang terakhir serta nyatakan mengikut negeri-negeri;
- (b) Adakah pihak Suruhanjaya Pilihan-raja merasa puashati dengan cara-cara penyemakan yang dijalankan baru-baru ini. Kalau tidak bagaimanakah cara-cara baru yang akan dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Seramai 130,107 orang telah memohon untuk didaftarkan dalam urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih yang telah diadakan baru-baru ini dan bilangan mereka yang telah memohon mengikut satu-satu negeri adalah seperti berikut:

Perlis	...	...	964
Kedah	...	...	8,792
Kelantan	...	...	9,263
Trengganu	...	...	6,850
Pulau Pinang	...	...	7,371
Perak	...	...	16,467
Pahang	...	...	8,191
Selangor	...	...	12,340
Wilayah Persekutuan	...	...	8,434
Negeri Sembilan	...	...	5,420

Melaka	...	...	...	4,713
Johor	...	...	...	18,957
Sabah	...	...	...	9,854
Sarawak	...	...	...	12,491
JUMLAH				130,107

- (b) Mengenai soalan Yang Berhormat yang kedua pula ingin saya memaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya berpuas hati dengan cara-cara urusan pendaftaran, dan penyempakan pemilih dijalankan baru-baru ini dan oleh itu Suruhanjaya tersebut tidak bercadang untuk mengubahnya.

SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI

3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar pihak Kerajaan tidak memberi suatu garis kerja (schedule of reference) yang sempurna khususnya berhubung dengan had kemampuan kewangan Kerajaan semasa menugaskan Suruhanjaya Ibrahim Ali menyelaraskan tanggagaji pegawai-pegawai awam.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak Kerajaan tidak memberi satu garis kerja yang sempurna semasa menugaskan Suruhanjaya Ibrahim Ali menyelaraskan tanggagaji pegawai-pegawai awam. Adalah menjadi amalan am bahawa apabila sesuatu Suruhanjaya Gaji atau lain-lain Badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membuat perakuan-perakuan kepadanya, maka Suruhanjaya Gaji atau lain-lain Badan hendaklah mengkaji keseluruhannya implikasi terhadap perakuan-perakuannya kepada negara lebih lagi implikasi kewangan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telah diberitahu supaya memberi pertimbangan khas terhadap implikasi kewangan semasa Suruhanjaya Gaji itu menyediakan Lapuran Semulanya.

KESALAHAN DADAH

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) Bilangan warganegara Malaysia setakat ini yang telah didakwa di negara-negara seberang laut kerana kesalahan-kesalahan berkaitan dengan dadah;
- (b) Samada beliau sedar kejadian-kejadian seumpama ini memburukkan dengan seriousness imej Malaysia di seberang laut dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (c) Apakah tindakan-tindakan lanjut yang sedang dirancang untuk mencegah ancaman dadah baik di dalam negeri atau di luar Negeri.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1971 hingga sekarang seramai 327 orang rakyat Malaysia telah didakwa di negara-negara luar bersabit dengan kesalahan dadah.
- (b) Sememangnya perbuatan demikian sebanyak-sedikit telah memburukkan nama baik imej Malaysia di kalangan dunia antarabangsa. Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah positif mengenai perkara ini di antaranya ialah:
 - (i) Pegawai-pegawai dari negara-negara yang berkenaan telah diberi penjelasan dan gambaran yang sebenar mengenai perkara penglibatan rakyat Malaysia menyeludup dadah ke negara-negara luar. Penerangan yang serupa juga diberi oleh pegawai-pegawai Malaysia yang melawat ke negara-negara yang berkenaan;
 - (ii) Menambah beratkan lagi hukuman-hukuman bagi mereka yang didapati bersalah dalam kes-kes dadah sebagaimana undang-undang yang kita telah pindahkan dalam Dewan ini dan juga mempercepatkan perbicaraan kes-kes yang boleh membawa hukuman mati atau jel semumur hidup supaya menambah menakutkan mereka daripada mengedarkan dadah;

- (iii) Paspot-paspot mereka yang terlibat dalam penyeludupan dadah di luar negeri akan dibatalkan;
- (iv) Kawalan yang lebih ketat dijalankan di semua pintu masuk/keluar ke negeri kita terutamanya di lapangan terbang.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan semua dadah-dadah yang telah diseludup oleh rakyat Malaysia keluar negeri itu datangnya dari Malaysia tetapi sebahagian besarnya juga datang dari negara-negara lain yang berjiran dengan negara kita.

- (c) Lain-lain tindakan ialah untuk membesarkan lagi Pusat Biro Narkotik supaya lebih ramai pegawai-pegawai dapat diambil dan menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi dan bekerjasama lebih rapat lagi dengan pihak Polis dan Kastam. Penerangan-penerangan mengenai keburukan menjadi penagih dadah diberi kepada orang ramai dengan lebih intensif lagi. Ini dengan cara tak langsung dapat mengurangkan pengedaran dadah-dadah kerana jika orang ramai telah sedar akan masalah ketagihan dadah ini mereka akan lebih berwaspada dan dengan itu keperluan dadah untuk disalahgunakan dapat dikurangkan.

Penubuhan Pemadam sebagaimana kita semua maklum di peringkat Nasional, Negeri dan Daerah akan kelak melibatkan tiap-tiap rakyat kita berkenaan dengan dadah. Kajian dan penyelidikan berkenaan dengan sebab-sebabnya seseorang menjadi penagih dadah sedang dibuat oleh satu pasukan expert dari Universiti Sains Pulau Pinang yang sudah mengambil masa lebih kurang setahun dan hampir siap hingga hari ini yang akan memakan belanja lebih kurang \$50,000 yang saya telah tolong pungut derma-derma dari firma-firma di negeri kita. Kerjasama yang lebih rapat juga antara pihak-pihak berkuasa dan pencegah dadah antara negeri-negeri serantau juga dijalankan dan juga antarabangsa melalui Interpol.

KERETA VOLVO ANGKATAN TENTERA

5. Tuan Buja bin Gumbilai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa kereta-kereta jenis Volvo Angkatan Tentera yang dibekalkan ke Sabah apabila rusak susah hendak dapat alat pengantiannya kerana tidak ada agent kereta tersebut di sana, terutama sekali, bahan-ganti jenis terak tentera dan apakah tindakan Kerajaan supaya perkara ini tidak berpanjangan; dan
- (b) Berapa banyak kereta jenis Volvo telah dihantar ke Sabah dan sebelum dihantar kereta-kereta ini sudahkah di-siasat perkara-perkara yang mungkin berlaku ke atas kereta ini seperti kesusahan mendapat alat penggantinya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak sedar tentang adanya apa-apa masalah berkaitan dengan pembekalan alat-alat ganti bagi kenderaan-kenderaan jenis Volvo yang digunakan oleh pasukan-pasukan tentera di Sabah.
- (b) Bilangan kenderaan-kenderaan jenis Volvo yang dibekalkan bagi kegunaan pasukan-pasukan tentera di Sabah adalah seperti berikut:

Pembawa Meriam Katak ...	12 buah
Penarik Meriam ...	6 buah
Terak 2.75 ton ...	24 buah

Selain daripada ini beberapa buah kereta staf dan kembalek (Recovery Trucks) telah juga dibekalkan.

Sebelum kenderaan-kenderaan ini dibekalkan, masalah-masalah logistik berkaitan dengannya terutama sekali masalah pembekalan alat-alat ganti sememangnya telah di-siasat dan langkah-langkah yang sewajarnya diambil.

PEGAWAI PERUBATAN YANG MENGAMBIL "GENERAL PRACTICE/FAMILY MEDICINE"

6. Puan Chow Poh Kbeng minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah bentuk latihan

yang diberikan kepada pegawai-pegawai perubatan yang berminat mengambil "general practice/family medicine" sebagai satu karier dan seterusnya nyatakan samada telah dicadangkan memberi gaji yang tinggi kepada pegawai-pegawai perubatan yang berkelayakan sebagai pakar (specialist) dalam jurusan "general practice/family medicine" selepas mereka memperolehi ijazah-ijazah M.R.C.G.P. (U.K.) atau M.R.A.C.G.P. (Australia) atau M.C.G.P. (Malaysia).

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak memberi latihan khas dalam bidang "general practice/family medicine". Akan tetapi semua pegawai perubatan Kerajaan diberi latihan dalam amali perubatan am di jabatan-jabatan pesakit luar dan yunit-yunit kecemasan kecederaan di semua hospital di negara ini. Mesyuarat-mesyuarat klinikal selalu diadakan di hospital-hospital untuk doktor-doktor ini.

Kursus lepasan ijazah untuk M.R.C.G.P. (U.K.) dan M.R.A.C.G.P. (Australia) adalah untuk doktor-doktor swasta bagi membolehkan mereka mengetahui tentang perkembangan-perkembangan di dalam profesyen perubatan dan bagi membolehkan Kerajaan mengawasi taraf amalan perubatan swasta di negara ini. Kursus-kursus ini adalah teratur dan selalu diadakan dan kadangkala memakan masa selama 5 tahun dan selepas itu satu peperiksaan akan diadakan. Calon-calon yang berjaya akan diberi diploma.

Kursus M.C.G.P. (Malaysia) masih di peringkat permulaan. Kursus-kursusnya teratur dan ada juga kursus-kursus melalui surat mesyuarat akan tetapi peperiksaan tidak diadakan selepas kursus ini. Pada masa ini kursus ini adalah terutamanya untuk doktor-doktor swasta di negara ini. Akan tetapi, terdapat ramai juga doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan yang menjalankan amalan perubahan am (general medicine practice) di yunit kecemasan dan jabatan pesakit luar dan juga di pusat kesihatan luar bandar. Mereka ini tidak berminat untuk mengkhususkan diri dalam apa-apa bidang yang khas ataupun mengambil pentadbiran sebagai satu kerjaya (career) akan tetapi mereka memainkan peranan yang penting dalam perkhidmatan-perkhidmatan rawatan pesakit. Oleh kerana tidak ada "prospect" bagi doktor-doktor yang berpengalaman ini,

doktor-doktor ini meninggalkan perkhidmatan Kerajaan untuk memasuki sektor swasta. Adalah menjadi hasrat saya untuk membenarkan pegawai-pegawai perubatan ini menjalani kursus-kursus M.C.G.P. (Malaysia) apabila kursus-kursus ini dijalankan secara teratur dan peperiksaan diadakan. Kepada calon-calon yang berjaya, saya bercadang mendapatkan kelulusan supaya mereka diberi elaun sebagai satu dorongan (incentive) untuk berkhidmat dengan Kerajaan memandangkan pegawai-pegawai perubatan am ini merupakan tulang belakang bagi perkhidmatan-perkhidmatan rawatan pesakit di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu ketika dahulu saya ada memberi satu ruling dalam Dewan ini iaitu apabila Ahli-ahli Yang Berhormat hendak menggunakan initial, sebab kita sekarang ini rasanya hidup dalam dunia initial bagi banyak perkataan, hendaklah gunakan perkataan penuh dahulu, kemudian diturut dengan initial dan boleh diteruskan. Sebabnya sebagaimana saya kata dahulu rekod atau "Hansard", peringatan mesyuarat kita ini akan kita pusakai kepada keturunan kita kelak. Jadi, bagaimana orang-orang yang 10, 20 atau 50 tahun akan datang hendak tahu apakah makna "M.R.A.C.G.P." misalnya. Jikalau tidak tahu apa perkataan nama yang penuhnya itu. Jadi, haraplah pada masa akan datang samada soalan ataupun ucapan, saya minta sebutkan nama penuh dahulu, kemudian bolehlah kita sebutkan ringkasannya dengan menggunakan initial. Kebanyakan initial itu ialah sebagaimana kita telah tahu sekarang ini seperti RISDA atau FIDA telah difahamkan tetapi bagi orang-orang pada masa akan datang mungkin tidak tahu. Boleh jadi badan-badan ini dalam masa 20 tahun akan datang tidak ada lagi, digantikan oleh badan lain.

KERETA CERMIN GELAP (TINTED WIND SCREEN)

7. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar ada setengah kereta-kereta menghitamkan cermin-cermin hingga mengganggu kereta yang di belakang dan juga adakah tujuan tidak baik dengan

perubatan ini atau sebaliknya dan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kementerian ini.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Gbani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada setengah-setengah kereta menggunakan cermin-cermin gelap (tinted windscreen) dan Kementerian saya sedang mengambil tindakan mengkaji soal penggunaan cermin-cermin seperti itu pada kenderaan-kenderaan bermotor.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA PEKAN KILANG LAMA

8. Tuan Tan Cbeng Bee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada rancangan membina sebuah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di Pekan Kilang Lama (Kawasan Padang Serai) yang telah dipersetujui tidak berapa lama dulu akan dibina memandangkan keperluan dan

mustahaknya sebuah sekolah di tempat tersebut, kalau ya, bila.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mendirikan sebuah sekolah ini memang ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pejabat Pelajaran Negeri mencadangkan supaya sekolah ini dibina dalam tahun 1978 kerana tapak yang sesuai belum dapat ditentukan lagi. Lagi pun di sekolah murid-murid kawasan ini belajar sekarang iaitu di sekolah Chio Min (A) dan (B) masih mampu menerima pertambahan murid-murid walaupun sekolah ini digunakan oleh 3 buah sekolah termasuk Sekolah Menengah Chio Min. Sekolah Chio Min ini mempunyai 30 buah bilik darjah. Pada masa ini ketiga-tiga buah sekolah tersebut mempunyai murid-murid seramai 2,019 dengan 3 pentadbiran yang berasingan. Berasaskan kepada kadar 40 murid satu bilik darjah, 30 bilik darjah yang ada sekarang boleh memuatkan 2,400 murid jika sekolah dijalankan pagi/petang.

PINJAMAN MEMBIAYAI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

9. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- Berapa banyakkah pinjaman yang telah diperolehi untuk membiayai pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga hingga sekarang;
- Punca-punca pinjaman-pinjaman ini diperolehi;
- Carabunga/pembayaran yang dikenakan; dan
- Perimbangan perkhidmatan-perkhidmatan hutang luar awam antara sekarang dan di penghujung Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua.

- Jumlah pinjaman yang telah diperolehi untuk membiayai pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga sehingga sekarang adalah sebanyak \$239.2 juta.
- Punca-punca pinjaman ini diperolehi daripada:

(i) Bank Dunia	...	...	...	\$171.25 juta (3 projek)
(ii) Amerika Syarikat	...	...	...	\$ 42.5 juta
(iii) Canada	...	...	...	\$ 19.5 juta
(iv) Germany	...	...	...	\$ 5.94 juta

- Syarat-syarat pinjaman yang dikenakan adalah seperti berikut:

Punca	Bunga	Tempoh bayaran
(i) Bank Dunia		
1. Projek KL Sewerage	8½%	20 tahun termasuk 6 tahun tempoh grace.
2. Projek KL Urban Transport	8½%	24 tahun termasuk 5 tahun tempoh grace.

<i>Punca</i>	<i>Bunga</i>	<i>Tempoh bayaran</i>
3. Projek Ulu Kelantan Rural Development	8.85%	23 tahun termasuk 5 tahun tempoh grace.
(ii) Amerika Syarikat ...	akan ditentukan apabila semua pengeluaran dibuat	6½ tahun termasuk 6 bulan tempoh grace.
(iii) Canada	3%	30 tahun termasuk 7 tahun tempoh grace.
(iv) Germany	6%	30 tahun termasuk 10 tahun tempoh grace.

(d) Soalan Yang Berhormat mengenai perimbangan perkhidmatan-perkhidmatan luar awam antara sekarang dan di penghujung Rancangan Malaysia Ketiga tidak begitu jelas kerana Yang Berhormat tidak menyatakan atas dasar apakah perkhidmatan luar awam ini dibandingkan.

LATIHAN KAKITANGAN PER-UBATAN

10. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan hasil siasatan atas kemunduran taraf latihan kakitangan perubatan dan para-perubatan dalam Kementerian beliau seperti yang diumumkan oleh beliau semasa melancarkan Tabung Perubatan Malaysia pada 20-8-1976 dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk meninggikan mutu latihan bagi kakitangan kesihatan, dan perubatan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, satu penyiasatan difikirkan tidak perlu dan oleh yang demikian tidak ada sebarang penyiasatan diadakan. Dari pengalaman yang sudah ada didapati sedikit kelemahan, walau bagaimanapun, saya telah mengarah pegawai saya berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya mengambil hanya calon-calon yang mempunyai kepujian dalam ilmu sains dan ilmu hisab.

ASKAR WATANIAH

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau bercadang mengadakan peraturan supaya tentera wataniah yang menerima latihan sambilan terus menerus lebih dari 12 tahun diserapkan sebagai kakitangan simpanan khas dan mendapat imbohan bulanan seperti tentera yang telah berkhidmat penuh masa. Jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk menyerapkan anggota-

anggota Askar Wataniah yang telah menerima latihan sambilan terus-menerus lebih dari 12 tahun, ke dalam suatu pasukan tentera simpanan khas.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, anggota-anggota Pasukan Askar Wataniah sudah sememangnya menjadi anggota "pasukan simpanan" negara ini, dengan itu soal mengambil sebahagian dari mereka (iaitu anggota-anggota yang telah menerima latihan sambilan terus-menerus lebih dari 12 tahun) sebagai pasukan simpanan khas adalah tidak timbul.

Pasukan Askar Wataniah adalah satu pasukan sukarela yang terdiri dari warganegara-warganegara yang taat setia yang ingin turut serta mempertahankan negara ini. Semua anggota-anggota pasukan Askar Wataniah ini, tidak kira berapa lama mereka telah berkhidmat di dalam pasukan tersebut, adalah dibayar elaun latihan dan elaun perjalanan. Bayaran-bayaran yang diberikan itu bukanlah dimaksudkan untuk menjadi penara hidup anggota-anggota yang berkenaan. Anggota-anggota itu biasanya mempunyai pekerjaan awam yang tetap.

BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR DI JOHOR

12. Wan Zainab binti M. A. Bakar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, memandangkan tujuan membekalkan letrik kepada 2,630 buah kampung atau lebih 211,000 keluarga di kawasan luar bandar sebagaimana yang terbentang di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, bilangan projek yang akan diuntukkan kepada Negeri

Johor terutamanya kawasan parlimen Semerah yang mana adalah suatu kawasan pertanian dan juga sesak dengan penduduk.

Datuk Haji Abdul Gbani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Semerah itu saya suka memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$21,600,000 telah diluluskan bagi membayai rancangan bekalan letrik luar bandar di negeri Johor. Setakat ini saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bilangan projek-projek yang dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh tersebut oleh kerana senarai projek-projek sedang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan bahawa dalam tahun 1976 Kementerian saya telah meluluskan sebanyak 52 projek-projek bekalan letrik luar bandar bagi negeri Johor, khususnya bagi kawasan Batu Pahat termasuk kawasan pilihanraya Ahli Yang Berhormat itu sebanyak 9 projek telah diluluskan. Projek-projek tersebut ialah kampung-kampung yang berikut:

- (i) Kampung Bintang, Mukim Perserai,
- (ii) Parit Guntung, Mukim Simpang Kanan,
- (iii) Majlis Tempatan Parit Sulong, Parit Mohamad dan Padang Sari, Mukim Simpang Kiri,
- (iv) Majlis Tempatan Rengit dan 2½ batu sepanjang jalan Mukim Sungai Keluang, Peringkat Pertama,
- (v) Parit Muda Tengah, Mukim Lubok,
- (vi) Jalan Johor, Mukim Bagan,
- (vii) Parit Lapis Kajang,
- (viii) Parit Singgahan, Mukim Seri Midah,
- (ix) Batu 1, Jalan Yong Peng, Pekan Ayer Hitam, Mukim Seri Gading.

MALAYSIA DIANGGAP PUSAT PENGEDAR DADAH

13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Undang-undang menyatakan samada benar atau tidak dakwaan mengatakan bahawa Malaysia telah dianggap sebagai Pusat Pengedar Dadah terbesar di dunia; jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyangkal dakwaan itu.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa Malaysia ini adalah Pusat Pengedaran Dadah yang terbesar sekali di dunia kerana:

- (i) Malaysia bukan merupakan sebuah negara yang menanam dan mengeluarkan dadah berbahaya; melainkan ganja sahaja kita boleh tanam tetapi tidak dikeluarkan oleh negeri ini.
- (ii) bukan semuanya dadah yang diseludup oleh rakyat Malaysia keluar negeri itu datangnya dari Malaysia tetapi sebagaimana saya kata tadi dari negara-negara lain di rantau ini.

Sebahagian daripada soal yang lain itu telah saya jawab tadi dalam soalan No. 4 dan saya tidak ada hendak menambah lagi.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam Persidangan Kemuncak negara-negara Berkecuali di Colombo baru-baru ini; dan
- (b) Apakah implikasi yang timbul dari penentangan secara terbuka dari negara-negara Indo-China terhadap cadangan Malaysia tentang konsep Asia Tenggara sebagai kawasan aman dalam Persidangan kemuncak Negara-negara berkecuali di Colombo baru-baru ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-hajj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah terkandung di dalam jawapan saya kepada soalan No. 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada jawapan itu.

PENGISTIHARAN KUALA LUMPUR/ HUBUNGAN DENGAN INDO-CHINA PENUBUHAN ASEAN

15. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakannya:

- (i) Sebab-sebab Hanoi menentang cadangan Malaysia untuk menjadikan Tenggara Asia kawasan aman dan bebas;
- (ii) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengadakan hubungan persahabatan dan muhibah yang lebih baik dengan rakyat Indo-China; dan
- (iii) Sebab-sebab wajar penubuhan ASEAN yang telah dicap oleh rakyat anti-penjajahan dunia sebagai satu rancangan neo-colonialist.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Republic Socialist Vietnam ada melahirkan reservation mereka terhadap cadangan Malaysia supaya Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo membaharui pengakuan terhadap Pengistiharan Kuala Lumpur untuk menubuhkan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Oleh sebab Pengistiharan tersebut dibuat semasa negara-negara Indo-China masih dalam peperangan dengan Amerika Syarikat, pada pendapat mereka ada di antara negara-negara yang menandatangani Peristiharan Kuala Lumpur itu yang bersubahat dengan Amerika Syarikat menentang mereka.
- (ii) Untuk mengadakan perhubungan persahabatan yang baik dengan Kerajaan dan rakyat negara-negara Indo-China, Kerajaan kita telah menubuhkan hubungan diplomatik serta juga membuka Kedutaan Besar kita di Hanoi. Ada juga kemungkinan untuk kita membuka Kedutaan Besar kita di Phnom Penh. Kerajaan kita telah menghantar Duta Besar kita yang pertama ke Hanoi yang baru berlepas pagi ini. Selain dari itu Kerajaan kita telah memberi bantuan humanitarian buat setakat ini melalui pertubuhan antarabangsa ke Vietnam dan kita telah juga bersetuju memberi bantuan sebanyak mana yang terdaya kepada Vietnam. Semasa Tuan

Phan Hien, Naib Menteri Luar Vietnam datang melawat ke Malaysia dahulu kita telah berbincang mengenai bidang pembangunan, tanaman getah, kelapa sawit serta juga dalam bidang kajian kesihatan.

- (iii) Seperti yang kita semua ketahui ASEAN adalah ditubuhkan atas initiative negara-negara di rantau ini yang merdeka dan oleh itu ASEAN bukan alat mana-mana negara. Saya berpendapat tidaklah perlu bagi saya memberikan apa-apa penjelasan berkenaan penubuhan ASEAN oleh kerana perkara ini telah beberapa kali diuraikan di Dewan ini di masa-masa yang lampau.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Jika telah menjadi asas Hanoi konsep ini tidak dapat diterima oleh kerana ianya dilahirkan masa Hanoi berperang dengan Amerika dan ini menjadi asas reservation itu, apakah kemungkinan yang mereka akan menerima konsep ini pada masa akan datang.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, konsep ini perlu kita memberikan penjelasan yang se-jelas-jelas dan telitinya kepada negara-negara dalam dunia ini khususnya negara-negara jiran seperti negara-negara di Indo-China. Konsep ini telahpun kita istiharkan dan yang perlu diberi penjelasan ialah tentang apakah takrif freedom, neutrality dan sebagainya. Dengan adanya kedutaan kita dan dengan adanya perhubungan yang rapat di antara negara kita secara bilateral dengan negara-negara berkenaan maka kita berharap mereka akan dapat mengetahui dan memahami dengan jelasnya akan konsep ini.

Kita berharap dengan adanya penjelasan ini mereka mungkin dapat memahami dengan se-jelas-jelasnya di atas konsep ini.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

16. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia di Persidangan Negara-negara berkecuali di Sri Lanka baru-baru ini dan keputusan-keputusan yang dibuat di persidangan itu terutamanya di bidang ekonomi.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah sama seperti yang saya jawab baharu sebentar tadi kepada soalan No. 14.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG

PERBEKALAN, 1977

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (16hb November, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14.

(Jadual)—

Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.05 ptg.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menjawab dan memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan peruntukan-peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebelum memulakan jawapan-jawapan saya, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang membina.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Kuala Selangor membangkitkan perkara Ahli-ahli Parlimen tidak dijemput untuk menghadiri jamuan-jamuan yang diadakan oleh Kerajaan Persekutuan. Beliau telah memberi sebagai contoh, lawatan Puan Yang Terutama Jehan El-Sadat.

Sebagai menjawabnya, saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam upacara-upacara atau keraian di

peringkat kebangsaan, Ahli-ahli Parlimen ada dijemput selaras dengan kedudukan mereka sebagai Wakil Rakyat. Secara am, Kerajaan sentiasa sedar tentang murtabat dan kemuliaan Ahli-ahli Parlimen dan di mana keadaan mengizinkan, mereka adalah dijemput untuk menghadiri upacara-upacara tertentu yang diadakan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat itu ada juga menyentuh tentang briefcase yang telah dibekalkan untuk Ahli Dewan ini dan beliau seterusnya menyuarakan pandangannya bahawa briefcase itu adalah terlalu besar.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa briefcase yang telah dibekalkan ini ialah untuk kegunaan mereka seperti mengisikannya dengan kertas-kertas perintah dan lain-lain kertas yang berkaitan dengan urusan Parlimen. Saya rasa briefcase yang telah dibekalkan itu adalah satu briefcase yang "functional" dan berguna kepada Ahli-ahli Parlimen. Sekiranya Ahli-ahli Parlimen dibekalkan dengan briefcase yang kecil seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka mungkin pula timbul pandangan-pandangan bahawa briefcase itu terlalu kecil dan tidak dapat disikakan dengan buku-buku tebal seperti Buku Belanjawan Tahun ini.

Berkenaan Jawatankuasa Dewan pula, perlantikan itu dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Rakyat 79 (1) dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli sekarang ini terdiri daripada back-bencher. Maka tugas Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut ialah mengemukakan apa-apa syor kepada Pengerusi atau Setiausaha atas segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan bagi Ahli Dewan. Oleh itu saya rasa perkara seperti ini tidak payah dibawa ke dalam Dewan ini.

Mengenai perasaan kurang puashati tentang pemilihan tempat-tempat untuk menjalankan projek Amalan Nilai Pemakanan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga, saya suka menjelaskan bahawa pemilihan tempat-tempat ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan tertentu. Ukuran yang digunakan ialah untuk mengesan terlebih dahulu kawasan-kawasan yang betul-betul tenat dari segi kadar kematian bayi dan

ini dilakukan dengan menjalankan penyelidikan dan mengumpul data-data yang saintifik. Hasil dari projek-projek ini hanya dapat dilibat dalam masa 3 tahun. Oleh yang demikian, tidaklah sesuai projek ini dipindah-pindahkan dari satu kawasan ke kawasan yang lain sebelum hasil daripada projek ini pernah dinikmati.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor supaya perpustakaan Parlimen dibuka di antara pukul 1.00 hingga 2.00 petang untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakannya bagi tujuan-tujuan rujukan, telah disampaikan kepada Jabatan Parlimen untuk pertimbangan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas ada meragu-ragukan perhatian yang diberi oleh Jabatan Parlimen terhadap penyediaan Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Beliau mengulangi tegurannya tentang kelewatan menyediakan Penyata Rasmi yang sudah disemak dan seterusnya beliau menyatakan bahawa negara-negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen seperti negara ini hendaklah mengambil langkah-langkah supaya penyediaan Penyata Rasmi hendaklah dibuat dengan segera.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Jabatan Parlimen memang memberi perhatian yang serious terhadap usaha menyediakan Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Sebelum Penyata Rasmi itu dapat dicetak adalah perlu bagi Jabatan Parlimen mengedarkannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk mereka mengesahkan kandungan ucapan-ucapan mereka. Tidak syak lagi proses ini semestinya memakan masa dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memainkan peranan mereka mengesahkan kandungan ucapan mereka dengan segera dan mengembalikannya dengan segera juga kepada Jabatan Parlimen.

Saya suka menegaskan bahawa proses ini adalah dibuat untuk menjaga dan memelihara kemuliaan dan taraf Dewan yang mulia ini selaras dengan amalan demokrasi berparlimen yang didukung oleh Kerajaan kita. Sebaliknya, jika Penyata Rasmi dikeluarkan secara tergesa-gesa tanpa penelitian yang rapi, maka akan timbul akibat yang tidak mendatangkan kebaikan kepada maruah Dewan yang mulia ini.

Di samping itu, perlu juga saya nyatakan bahawa perkara percetakan Penyata Rasmi (Telah disemak) bukanlah diuruskan oleh Jabatan Parlimen sendiri. Saya diberi faham bahawa lazimnya Penyata Rasmi Dewan Rakyat dapat disediakan dalam tempoh 6 bulan, bukan 1 tahun sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyentuh tentang layanan tidak memuaskan yang diberi kepada jemaah-jemaah haji di atas kapal-kapal haji. Lembaga Urusan dan Tabung Haji sentiasa mengambil berat akan apa-apa aduan dan sungutan jemaah haji mengenai layanan yang kurang memuaskan di atas kapal-kapal haji. Langkah-langkah untuk membaiki keadaan dalam kapal-kapal haji telah dan sedang diambil dari masa ke semasa.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat meminta Kerajaan menimbangkan cadangan supaya Akta (Pencan dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 dipinda untuk memberi kemudahan pencen kepada Ahli-ahli Parlimen yang berkhidmat pada 31hb Ogos, 1957 walaupun perkhidmatan mereka itu tidak mencukupi tempoh 9 tahun sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta tersebut.

Setakat ini, kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan oleh Akta ini adalah dianggap berpatutan dan oleh yang demikian, tidak ada apa-apa cadangan untuk meminda Akta tersebut.

Ahli Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian Kemajuan Petroliaam ditambah dan mendapatkan orang-orang yang ada kepakaran.

Tugas utama Bahagian Kemajuan Petroliaam ialah menjadi urusetia kepada Majlis Penasihat Petroliaam Negara dan menjalankan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan PETRONAS dan industri petroliaam keseluruhannya. Buat masa ini tugas-tugas profesional yang tertentu seperti kejuruteraan petroliaam dan kaji-bumi dijalankan oleh pihak PETRONAS. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat untuk menghantar pegawai-pegawai dari Bahagian ini bagi mengikuti kursus-kursus yang berkaitan

dengan perusahaan petroliam di samping menambah bilangan kakitangan di masa hadapan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu juga supaya Jabatan Perangkaan menyediakan Buku Kecil yang mengandungi butir-butir mengenai perniagaan, suka saya menegaskan di sini bahawa Buku Kecil seperti buku ini yang saya tunjukkan ini, memang sedia ada dicetak dan boleh dibeli oleh orang ramai dengan harga yang berpatutan. Harganya sekarang cuma \$2 dan bagi orang ramai yang datang melawat Jabatan itu secara rombongan, Buku-buku Kecil ini boleh diberi dengan percuma.

Mengenai perkara yang ditimbulkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat bahawa Pegawai Kerja Tinggi dan Pegawai Kerja Kanan telah diletak di dalam kumpulan yang sama iaitu Kumpulan Kerja dan Separa Iktisad dalam Lapuran Ibrahim Ali, saya suka memberitahu kepada Dewan ini bahawa Lapuran ini masih di dalam kajian Kerajaan. Oleh yang demikian, tidaklah sesuai bagi saya untuk menyatakan sesuatu mengenai perkara yang ditimbulkan itu sekarang.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Mukah iaitu peruntukan yang berjumlah \$2.05 juta bagi Sarawak untuk pembangunan luar bandar tidak mencukupi, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa peruntukan ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian sahaja dari keseluruhan peruntukan pembangunan bagi Sarawak. Peruntukan ini adalah untuk projek-projek kecil yang akan dilaksanakan dari masa kesamasa yang tidak termasuk peruntukan dalam belanjawan tahunan.

Mengenai perkara kelewatan penyediaan Lapuran-lapuran Odit bagi tahun 1973 hingga tahun 1975 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, saya suka memaklumkan bahawa Lapuran Odit di atas kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1975 telah ditandatangani dan akan dikemukakan di Parlimen dalam masa yang akan datang. Urusan Kerajaan telah bertambah dari tahun ketahun dan beban kerja Juru Odit Negara juga telah bertambah. Jabatan Odit telah menghadapi kekurangan pegawai-pegawai yang terlatih dalam tahun-

tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil bagi mempercepatkan kerja mengodit kira-kira itu supaya Lapuran-lapuran Odit dapat dikeluarkan pada tarikh yang lebih awal.

Mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Biro Pengaduan Awam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar akan kepentingan peranan Biro Pengaduan Awam untuk mengkaji menjamin keadilan dan kecekapan di dalam pentadbiran awam. Oleh sebab itu, satu Pasukan Petugas telahpun ditubuhkan untuk mengkaji dengan teliti dan mendalam di atas perjalanan Biro supaya ia dapat bergerak dan diperbaiki perjalanannya dan seterusnya dapat memenuhi segala matlamat penubuhannya. Pasukan Petugas itu telah menjalankan kajiannya dengan giat dan setakat ini telah mengadakan tiga kali mesyuarat. Adalah dijangkakan kajian ini akan dapat diselesaikan pada awal tahun 1977 dan syor-syor dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan yang sewajarnya. Setakat ini saya tidak dapat memberitahu Ahli Yang Berhormat tentang syor-syor itu kerana Pasukan Petugas belum menyiapkan dengan rasmi lapuran itu dan belum mengemukakannya kepada Kerajaan. Berbagai-bagai langkah walau bagaimanapun akan diambil termasuk menambah bilangan pekerja di Biro itu.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh supaya dikaji peraturan membuat jalan-jalan luar bandar dengan tanah merah adalah satu cadangan, saya rasa yang konstruktif dan pihak-pihak yang berkenaan akan menimbangakan cadangan ini.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit di mana pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lagi membuat lawatan ke Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat Negeri sebagaimana terdapat sebelum Merdeka, teguran itu adalah pada keseluruhannya tidak berapa tepat. Sebaliknya, pegawai-pegawai Jabatan tersebut ada membuat lawatan ke pejabat-pejabat di peringkat Negeri dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Walau bagaimanapun, teguran Ahli Yang Berhormat akan saya ambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menimbulkan beberapa perkara mengenai Lembaga Perancang Keluarga Nega dan untuk menjawabnya, suka saya menyatakan bahawa beberapa usaha sedang dijalankan, di antaranya ialah dengan mengadakan satu lawatan ahli-ahli ugama ke Asia Barat untuk melihat program-program di situ. Di samping itu, satu seminar akan diadakan dalam sedikit masa lagi untuk ahli-ahli ugama.

Mengenai permintaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat supaya tempoh potongan dari pencen bulanan untuk membayar balik pencen yang terlebih dibayar kepada mereka oleh suatu sebab yang tidak disengajakan, dilanjutkan; adalah dimaklumkan perkara ini memang sudah dilaksanakan. Potongan dari pencen bulanan dibuat mengikut tanggungan pesara, banyaknya pencen dan kemampuan pesara-pesara yang berkenaan untuk membayar balik di dalam suatu tempoh yang tertentu. Sekiranya difikirkan sesuai, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak Perbendaharaan akan sentiasa memberi pertimbangannya supaya tempoh membayar balik boleh dilanjutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang ada menyebutkan tentang tidak menasabahnya peruntukan yang diberi untuk kegiatan ugama Islam dengan objektif yang hendak dicapai.

Sebagai menjawabnya, saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sebenarnya peruntukan bagi ugama selain daripada peruntukan yang ditunjukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ada juga diperuntukkan dalam peruntukan Kementerian-kementerian lain samada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Saya harap bahawa hakikat ini disedari oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana Kerajaan memang mengambil berat tentang objektif ini.

Di bawah perkara Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mengesyorkan supaya biasiswa dikeluarkan kepada umat Islam daripada keuntungan pelaburan. Sebenarnya, keuntungan pelaburan itu dibahagikan kepada penyimpanan-penyimpan dan memang ada rancangan untuk mengadakan peruntukan biasiswa. Mengenai syor supaya tambang bagi menunaikan Fardhu Haji untuk belia-belia (Penyimpan Tabung Haji) dikurang-

kan, perkara ini akan dikemukakan oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan kajian-kajian rancangan, kemudahan untuk perniagaan-perniagaan kecil dan bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk jalan-jalan luar bandar.

Antara perkara-perkara yang disentuh itu termasuklah meminta Kerajaan menambah peruntukan, menumpukan perlaksanaannya kepada kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukan serta ke negeri-negeri yang miskin. Di dalam hal ini, suka saya menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan, melalui peruntukan-peruntukan yang berkenaan itu, sememangnya bertujuan untuk memberi perhatian dan memajukan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar di negeri-negeri yang berkenaan terutamanya di negeri-negeri yang kurang maju. Peruntukan-peruntukan yang diberi telahpun mengambil kira keupayaan dan kebolehan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan bersedia menimbangkan peruntukan selanjutnya berdasarkan kesesuaian projek-projek yang dikemukakan dan tertakluk kepada punca-punca kewangan. Pertimbangan juga akan diberi terhadap peruntukan-peruntukan itu dari masa kesemasa berdasarkan kejayaan-kejayaan yang telah dan boleh dicapai.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, saya suka menegaskan bahawa tidaklah benar Lembaga Perpaduan Negara hanya bergerak di bandar-bandar sahaja. Dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya Lembaga tidak mengasingkan Kawasan bandar atau Kawasan luar bandar.

Hanya satu rancangan Lembaga sahaja iaitu Rancangan Perhubungan Masyarakat, yang ditumpukan dengan sengaja kepada kawasan bandar dan separuh bandar. Ini adalah kerana rancangan ini melengkapi dan menimbali usaha-usaha pembangunan masyarakat di luar bandar yang dipelupuri oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan di bawah Rancangan ini adalah khusus bagi penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan bandar di mana rancangan itu diperkenalkan.

Mengenai perkara-perkara di bawah Jabatan Kehakiman yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Kerajaan sedar tentang masalah backlog kes-kes di mahkamah-mahkamah. Dalam usaha hendak mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas dengan menambah bilangan mejisteret-mejisteret seperti yang pernah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Di samping itu, bilangan Jurubahasa juga telah ditambah pada awal tahun ini untuk berkhidmat di Jabatan Kehakiman.

Mengenai Mahkamah Bukit Mertajam pula, Kerajaan memang sedar tentang keadaan yang tidak memuaskan di mahkamah tersebut yang terletak begitu hampir dengan jalanraya di pekan Bukit Mertajam. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mencari tapak bagi pembinaan sebuah mahkamah baru di Bukit Mertajam. Sebagai langkah sementara, Kerajaan bercadang untuk menghawadindingkan seluruh mahkamah tersebut dengan tujuan mengurangkan bising dan memperbaiki keadaan panas dalam bilik perbicaraan.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah melahirkan rasa tidak puashati mereka terhadap sistem pendaftaran pemilih yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya sekarang.

Mengenai seruan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Kangar supaya Suruhanjaya Pilihanraya berbalik semula kepada sistem mendaftar pemilih dari rumah ke rumah, nampaknya kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah terkeliru tentang tujuan lawatan itu. Suka saya menegaskan di sini bahawa tujuan yang sebenarnya ialah untuk menyemak nama-nama pemilih yang sedia mendaftar dan bukannya untuk mendaftar pemilih-pemilih baru. Sistem di mana Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran tidak lagi dikehendakki melawat dari rumah ke rumah telah dapat mengelakkan berlakunya pemotongan serta keciciran nama-nama pemilih seperti yang terjadi dalam tahun-tahun 1973 dan 1974 dahulu.

Teguran kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Kangar bahawa tempat-tempat pendaftaran kebanyakannya ditempatkan di bandar-bandar sahaja adalah tidak benar kerana Suruhanjaya Pilihanraya telah mengadakan tempat-tempat

pendaftaran di hampir tiap-tiap daerah mengundi baik di bandar maupun di luar-bandar.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bahawa mereka yang dilantik sebagai Penolong Pegawai Pendaftaran adalah dari kakitangan Pejabat Daerah sahaja, ini juga kurang tepat kerana Ketua-ketua Kampung, Penghulu-penghulu, Kerani-kerani, Belia-belia, Guru-guru, Kakitangan Kerajaan dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung jika didapati sesuai juga dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengenai masa pendaftaran yang ditetapkan daripada jam 4.00 hingga 6.30 petang yang mengikut kedua-dua Ahli Yang Berhormat adalah pendek bagi membolehkan orang ramai pergi mendaftar, suka saya menerangkan bahawa berdasarkan kepada pengalaman tempoh masa itu adalah mencukupi.

Di sini ingin saya menegaskan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah pun memberi segala kemudahan kepada orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih baik dari segi publisiti mahupun dari segi mengadakan tempat-tempat pendaftaran, tetapi sekiranya orang ramai sendiri tidak berminat untuk mendaftar maka tidak seorang pun yang boleh memaksa mereka.

Di samping itu, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara berkaitan dengan kemudahan-kemudahan di Jabatan Parlimen dan di Bangunan Parlimen. Saya telahpun berhubung dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan seterusnya akan menyampaikan perkara tersebut untuk kajian dengan telitinya semua syorsyor yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini. Kajian ini akan dibuat oleh Jabatan Parlimen dan juga Kerajaan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian-kementerian lain seperti "Strata title" dan gred guru-guru besar dan sebagainya dan teguran teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan disampaikan kepada Kementerian-kementerian berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tarima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perhatian mereka terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang tidak saya sentuh dalam jawapan, adalah dalam perhatian Kerajaan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,682,000 untuk Kepala B. 1, \$157,700 untuk Kepala B. 2, \$6,926,300 untuk Kepala B. 3, \$2,396,500 untuk Kepala B. 4, \$1,982,000 untuk Kepala B. 5, \$114,000 untuk Kepala B. 6, \$754,500 untuk Kepala B. 7, \$56,877,000 untuk Kepala B. 8, \$111,298,300 untuk Kepala B. 9, \$9,711,100 untuk Kepala B. 10, \$700,000 untuk Kepala B. 11, \$2,233,000 untuk Kepala B. 12, \$1,018,000 untuk Kepala B. 13 dan \$19,552,800 untuk Kepala B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$254,876,235 untuk Kepala P. 8 dan \$3,580,000 untuk Kepala P. 10 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Sekarang, sebagaimana saya telah mengumumkan satu dua hari dahulu, kita akan terus membahaskan Kementerian Luar Negeri B. 31 dan P. 31.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*
Pengerusikan Jawatankuasa)

Kepala B. 31 (Jadual)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.33 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithaddeen Al-Hajj): Tuan Pengerusi, saya bercakap pendek sahaja di bawah Kementerian Luar Negeri oleh sebab saya akan kemukakan sepertimana Tuan Pengerusi telah berkata satu Kepala sahaja iaitu B. 31 yang meliputi Belanja Mengurus dan juga P. 31 meliputi Belanja Pembangunan.

Jumlah Anggaran Belanjawan untuk Kementerian bagi tahun 1977 ialah sejumlah \$49,650,000 yang mana \$46,050,000 ialah untuk Belanja Mengurus dan \$3,600,000 untuk Belanja Pembangunan. Untuk perbandingan jumlah belanjawan untuk tahun 1976 ialah \$51,137,400.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui fungsi utama Kementerian saya ialah untuk memelihara persefahaman dan harmoni yang lebih baik dalam hubungan antarabangsa dan dalam soal ini Wisma Putra memainkan peranan penting dalam menilai perkembangan politik di seluruh dunia. Di samping itu membantu Kerajaan di dalam membentuk dasar luar negara. Tidak syak lagi dasar luar kita adalah berdasarkan kepada landasan yang betul kerana kepercayaan dan pegangan teguh kita kepada konsep pengecualian di dalam hal-ehwal antarabangsa. Dalam usaha melaksanakan dasar ini kita melibatkan diri secara aktif dalam Perjumpaan Menteri-menteri Luar Negeri Berkecuali di Lima, Peru pada Ogos, 1975 dan Perjumpaan Menteri-menteri Biro Penyelarasan Negara-negara Berkecuali di Algiers pada Mei, 1976 yang berakhir dengan Persidangan Kemuncak di Colombo pada Ogos, 1976.

Kita juga telah merintis jalan sewajarnya dalam ASEAN pada tahun sudah dengan cara perancangan, penyelarasan dan melaksanakan berbagai program dan projek ASEAN. Kemuncak kepada perkembangan awal tahun ini adalah Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN di Bali di mana tiga issue penting telah dapat dipecahkan. Satu darinya ialah Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (Treaty of Amity and Co-operation). Satu lagi ialah Perisytiharan ASEAN Concord di mana lima negara ASEAN bersetuju untuk mempercepat kerjasama di bidang ekonomi, politik dan sosial dan akhirnya persetujuan ke atas penubuhan Sekretariat Tetap ASEAN di Jakarta. Malaysia akan terus melibatkan diri secara aktif dalam berbagai aktiviti ASEAN pada tahun-tahun hadapan sebagaimana yang digariskan di dalam Concord tersebut dan melaksanakan berbagai program dan projek di bawah Jawatankuasa Tetap. Bagi ekonomi dan kerjasama serantau keutamaan kita ialah menjayakan Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menggalakkan pelabur-pelabur asing bagi membantu pembangunan ekonomi kita.

Sebagai contoh bagi memenuhi matlamat ini kerjasama ekonomi dan perdagangan kita dengan Asia Barat dan negara-negara Teluk telah berhasil khasnya dengan kemasukan Tabung Abu Dhabi, Tabung Arab Saudi untuk pembangunan ekonomi dan Tabung

Kuwait dan Pembangunan Ekonomi Arab lagi membiayai berbagai projek pembangunan di negara ini. Atas perkara-perkara yang melibatkan perairan kita, kita dengan secara aktif mengambil bahagian dan menawarkan sumbangan yang membina di Persidangan Undang-undang Laut di Bangsa-bangsa Bersatu di New York baru-baru ini. Persidangan ini adalah amat penting bagi kita kerana selain daripada perkara yang berkaitan dengan kawasan perairan dan sumber-sumber laut, keselamatan pelayaran di Selat Melaka dan konsep kepulauan (archipelagic) adalah juga amat penting bagi Malaysia.

Kegiatan-kegiatan yang menyokong kita dalam segi politik dan aktiviti lain bagi Kementerian saya ialah Pentadbiran Am. Perbelanjaan di bawah Pentadbiran Am meliputi banyak perkara bermula dari gaji dan elaun pengangkutan, tambang berjalan, sewa kediaman, belanja kemudahan dan lain-lain belanja pengurusan. Disebabkan inflasi di seluruh dunia maka sedikit pertambahan di dalam perbelanjaan pentadbiran berlaku di dalam mendapatkan barang-barang keperluan dan juga perkhidmatan. Belanja elaun hidup bagi pegawai-pegawai kita dan bayaran gaji bagi kakitangan ambilan tempatan beberapa negara telah juga disemak semula baru-baru ini.

Aktiviti-aktiviti lain bagi Kementerian Luar Negeri ini adalah meliputi juga bahagian Penerangan Luar yang menyibar dan mengidarkan maklumat tentang Malaysia di negara-negara asing melalui Perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut. Hasrat Bahagian ini adalah memprojeikkan imej dan nama baik Malaysia supaya dapat lagi kita menarik modal-modal luar untuk melaburkan dan juga menarik pelancungan di Malaysia.

Bahagian Consular menjalankan tugas-tugas Consular dan juga mengawasi perlantikan Consul-consul Kehormat untuk menjaga kepentingan-kepentingan kita di tempat-tempat tertentu di mana kita tidak ada wakil-wakil yang bermastautin di sana.

Bahagian Perhubungan dan Keselamatan bertanggungjawab bagi perhubungan antara Wisma Putra dengan Perwakilan-perwakilan di luar negeri. Bahagian ini juga bertanggungjawab

atas soal keselamatan Wisma Putra dan Perwakilan-perwakilan di luar negeri.

Akhirnya, Bahagian protokol. Bahagian ini menguruskan segala perkara yang berkaitan dengan Protokol, reciprocity, hak-hak keistimewaan diplomatik dan Consular untuk Wakil-wakil asing di Malaysia. Pertauliahan Duta-duta Asing di Malaysia, Lawatan Tetamu-tetamu Kehormat ke Malaysia dan lawatan Orang-orang Kenamaan dari Malaysia ke luar negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memerhatikan bahawa bagi maksud belanjawan fungsi-fungsi Kementerian ini adalah terletak di bawah 7 aktiviti.

Peruntukan yang diperlukan di bawah aktiviti-aktiviti itu ialah seperti berikut:

- (1) Pentadbiran Am \$19,825,965
- (2) Politik—\$17,243,765
- (3) Penerangan Luar Negeri—\$3,868,090
- (4) Konsular—\$732,545
- (5) Ekonomi dan Kerjasama Daerah—\$563,000
- (6) Kemudahan Perhubungan dan Keselamatan—\$3,283,000
- (7) Protokol—\$503,635

Sekarang saya beralih kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kementerian ini di bawah P. 31, yang berjumlah sepertimana yang saya kata ialah sebanyak \$3,600,000.

Peruntukan yang diperlukan untuk tahun 1977 akan dipergunakan untuk projek-projek yang telahpun dilaksanakan.

Di Jakarta kita telah menandatangani satu perjanjian untuk membeli sebidang tanah bagi pembinaan kompleks kedutaan.

Di Wellington, pembinaan kediaman rasmi Suruhanjaya Tinggi dijangka bermula pada awal tahun 1977. Kementerian juga berharap akan memulakan pembinaan kompleks kedutaan di Islamabad pada tahun hadapan.

Di tempat-tempat yang lain kita masih dalam proses perundingan untuk pembelian tanah-tanah yang sesuai ataupun dalam peringkat perancangan. Jumlah sebanyak \$500,000 diperlukan untuk membaiki dan penyelenggaraan harta-harta yang kita miliki di luar negeri.

Demikianlah belanjawan yang diperlukan untuk Kementerian Luar Negeri bagi tahun 1977.

Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mencadangkan suatu jumlah wang \$49,650,000 diluluskan di bawah Kepala B. 31 Kementerian Luar Negeri dan Kepala P. 31

3.41 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang telah selama setahun yang lalu menjalankan kerja perhubungan luar negeri yang begitu baik yang dapat kita mengekalkan perhubungan dan persahabatan yang begitu baik dan terdapat pada semua negara yang ada di dalam negeri ini.

Kita sebagai sebuah negeri yang kecil mestilah mengiktiraf ataupun mesti sedar bahawa bagi sebuah negeri yang kecil, keselamatan, kemajuan dan kedudukan kita adalah terletak kepada usaha mengekal, memperkukuhkan perhubungan persahabatan dengan semua negara yang sanggup dan mahu berbaik-baik dan bersahabat dengan kita.

Berkait dengan perkara ini, saya sangat bersukacita apabila terbaca di dalam surat-khabar bahawa Kerajaan kita akan menghantar atau mengutus Duta Besar kita dalam dua tiga hari lagi untuk menetap di Hanoi sebagaimana memang sudah menjadi niat dan tujuan kita pada asalnya. Saya rasa perkara ini patut disentuh kerana di dalam tempoh baru-baru ini telah timbul barangkali perasaan kebimbangan samada bagi pihak negara-negara jiran yang berdekatan dengan kita yang baharu dapat membebaskan mereka dengan sepenuhnya daripada segala gangguan campur tangan ataupun pencerobohan dari luar yakni negara-negara di dalam Semenanjung Indo-China, seperti Negara-negara Republik Sosialis Vietnam, Negara Rakyat Kemboja dan Negara Laos.

Kita telah beruntung baik kerana telah dapat menyelamatkan negara kita dan dapat menjaga supaya negara kita itu tidak dicerobohi, tidak diusek dan tidak dilanggar oleh bangsa luar samada kecil ataupun besar sudah beberapa tahun, tentulah bertimbang rasa dan sedar bagaimana negara-negara se-

umpama negara-negara yang saya sebutkan tadi mempunyai satu perasaan yang agaknya kuat tentang campur tangan ataupun dengan apa sahaja yang boleh dianggap sebagai bahaya yang datang dari campur tangan dari luar. Dengan sebab itu setengah-setengah kita yang telah bimbang apabila wakil-wakil negara baharu ini membangkitkan soal berkenaan dengan Asia Tenggara, berkenaan dengan ASEAN di Persidangan Negara-negara Berkecuali yang telah diadakan di Colombo itu patut insaf dan sedar.

Pada hemat saya sendiri bahawa mereka itu barangkali tidak menyoalkan kemerdekaan dan kebebasan negara kita. Barangkali mereka juga pada hemat saya sedar dan tahu dengan sebaik-baiknya, bahawa persatuan ataupun ikatan negara-negara dalam rantau Asia Tenggara ini yang telah membentuk Pertubuhan ASEAN ini memang semuanya negara-negara yang merdeka, berdaulat, dan negara-negara yang berkecuali atau mahu berkecuali dan mahu mengekalkan pengecualian mereka. Dan itulah sebabnya mereka benar-benar dan secara jujur mahu membentuk satu kawasan, satu wilayah di Asia Tenggara ini yang akan terus merdeka, bebas dan dapat mengecualikan diri menjadi neutral supaya tidak lagi menjadi perkakas kepada sebarang bangsa. Tidak lagi digunakan dan dipermainkan oleh sebarang bangsa.

Saya tidak syak bahawa tujuan dan niat ini difahami dan diberi oleh Kerajaan jiran-jiran kita di Indo-China itu. Saya tidak anggap bahawa apa yang telah terjadi di Colombo itu ialah satu kegagalan ataupun satu perkara yang patut kita khuatiri ataupun kita bimbangkan. Memang dalam perhubungan antarabangsa, satu perkara yang tidak dapat dielakkan ialah masalah mengenal dan mengerti antara satu samalain sebelum dapat mengadakan persahabatan. Oleh kerana keadaan begini lama, inilah kali yang pertama dapat kita berpeluang berapat dan mengenal dengan negara-negara ini. mula memahami masalah dan soal-soal mereka dan seperti yang saya katakan tadi sangat menggalakkan dan kita bersukacita kerana kita sudah dapat menunaikan niat kita yang asal bukan sahaja mengadakan kedutaan di Hanoi, tetapi ada cukup segala kelengkapan, segala kakitangannya terus sehingga mengadakan seorang Duta Besar yang bertempat di sana. Bagi diri saya sendiri

saya rasa sukacita (personal satisfaction) kerana ada perhubungan persendirian. Saya hendak puji kerana Kerajaan sudah pilih, pada hemat saya, orang yang kena pada tempatnya atau orang yang baik. Saya hendak sebutkan begitu oleh kerana saya sendiri ada berkait dengan orang itu. Kalau sekiranya saya hendak pergi makan angin ke Hanoi, kalau dibenarkan saya pergi, tidak payah cari tempat sebab orang itu ada hubungan dengan saya. Orang yang telah menjadi Kuasa Usaha selama ini ialah suami kepada anak saudara saya dan orang yang akan pergi menjadi Duta pula suami kepada saudara sepupu kepada isteri saya. Pendeknya, Hanoi ini ialah satu tempat pada diri saya bolehlah barangkali kalau hanyut ada orang yang dapat saya menumpang

Tuan Pengerusi: Ini kaitan peribadi sahajakah?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Ya. Jadi ini yang diperingatkan oleh Tuan Pengerusi, ikatan atau perhubungan ini bukan sahaja peribadi tetapi pada segi ideologi juga barangkali elok saya terangkan di sini dan elok juga menjadi kesempatan untuk menimbulkan keinsafan di kalangan umat kita, iaitu kita dengan mata yang celek, faham dan tahu bahawa Kerajaan yang ada di ketiga-tiga negeri itu ialah bercurak kominis. Terang-terang mereka mengaku mereka itu berpegang kepada ideologi—atau fahaman kominisma. Mereka menjalankan pentadbiran susunan masyarakat (social system) dan ekonominya cara fahaman atau ideologi sosialisma. Ini biarlah kita dengan terus terang insaf dan tahu tetapi di dalam hubungan kita dengan semua bangsa, kita telah memegang kepada asas, dasar yang kerap kali disebutkan sebagai Dasar Bandong iaitu Lima Dasar yang membolehkan kita mengadakan hubungan dengan semua bangsa tanpa mengira samada sistem pemerintahannya, ideologi, fahaman politiknya, sistem sosial atau ekonominya sama dengan kita ataupun berlainan dengan kita. Kerana kita mengiktiraf kemerdekaan, kedaulatan tiap-tiap negara yang kita ada hubungan dan persahabatan dengannya.

Kita juga memegang pada dasar bahawa kita tidak akan campur tangan dalam urusan negeri masing-masing. Tiap-tiap negeri mempunyai hak untuk menjalankan cara pentadbirannya mengikut kemahuannya sendiri. Pendeknya, kalau negara-negara di Indo-

China itu sudah menjadi kominis, kita juga bila bersahabat dalam hubungan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan, dalam hubungan antara pemerintah dan pemerintah berpegang kepada dasar bahawa kita tidak akan campur tangan dalam urusan negeri-negeri ini dan tidak akan cuba hendak mengubah cara pemerintahannya sungguhpun kita sendiri dalam negeri ini, kita tidak mahukan kominisma, kita menolak kominisma, malah kita menentang dan kita memperjuang, kita melawan kominisma, kerana kominisma ini mendatangkan satu pendapat yang berlawanan dengan Rukunegara kita. Konsep pertama Rukunegara kita ialah kepercayaan kepada Tuhan. Kominisma menolak dan menafikan adanya Tuhan.

Sebarang ideologi, sebarang fahaman politik yang menafikan adanya Tuhan tidak sesuai dengan Rukunegara kita, tidak ada tempat dalam masyarakat kita, mesti ditolak, mesti diharamkan dan mesti diperjuangkan. Berasas kepada ini, apa yang kita lakukan sesuai dengan Rukunegara kita, sesuai dengan dasar pemerintahan dan kebebasan dan kemerdekaan kita. Dalam lingkungan ini, setiap agama bebas, setiap pendapat politik bebas, bebas bercakap dan bebas bercetak, bebas berkumpul, bebas berpolitik, berparti dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Kalau dapat kurangkan sedikit ucapan ini terhadap perkara dasar, kerana kita sudah 11 hari membincangkan dasar, sekarang ini kita berbincang dalam Jawatankuasa, harap tumpukan kepada perkara detail.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Mint maaf, Tuan Pengerusi. Kesimpulan, bila kita bersahabat dengan negara-negara yang berfahaman kominis maknanya kita bukan tertarik-tarik dan sikap kita terhadap kominisma tidak terjejas sama sekali, ini yang penting. Jadi, saya harap pihak Hanoi dan juga negara-negara yang rapat dengan mereka akan sedar dengan langkah yang dijalankan oleh Kerajaan kita ini, kalau mereka ada sebarang syak tentang kejujuran kita patut perasaan syak itu dihapuskan. Kalau mereka mahu berunding, berpakat saya rasa inilah tujuan semua negara-negara di kawasan Asia Tenggara ini mahu berunding atau mahu berpakat. Saya sendiri rasa kemerdekaan, kebebasan dan keselamatan negara-negara

dalam kawasan Asia Tenggara ini dan juga dasar berkecuali kita tidak dapat dijalankan dengan sempurna sekiranya kita tidak dapat sama menyertai semua negara-negara yang kecil-kecil di seluruh rantau ini, dan setakat ini beberapa bangsa yang besar pun sudah bersetuju untuk menerima dan menghormati dasar kita ini. Saya harap kalau sekiranya ada lagi bangsa yang besar yang belum terima dasar kita ini akan sudi menunjukkan kejujuran dan kebersihan cita-cita mereka untuk menerima dan mengambil sikap dan mengamalkan dasar luar negerinya terhadap ASEAN dan dasar wilayah yang merdeka, bebas dan berkecuali ini supaya dapat menerusi usaha kita bersama menetapkan keamanan dan keselamatan untuk anak cucu kita di masa akan datang buat selama-lamanya.

4.00 ptg.

Raja Naron bin Raja Isahak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyampaikan persetujuan saya kepada apa juga peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri di bawah Kepala B. 31 dan P. 31.

Saya suka menyentuh B. 31, Pecahan-kepala 1100. Aktiviti (1), (2), (3) dan (4). Sebelum saya menyentuh aktiviti-aktiviti yang saya maksudkan ini saya suka membawa perhatian Kementerian Luar Negeri bahawa peruntukan keseluruhannya yang dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri sungguhpun berjumlah \$43 juta tetapi pada anggapan saya tidak mencukupi. Saya ada mendengar sungutan-sungutan bahawa sebenarnya anggaran yang dipohon oleh Kementerian Luar Negeri adalah lebih daripada itu. Mengapa dan bagaimana peruntukan sepenuhnya tidak diberi tetapi hanya diberi sebagaimana yang telah ada di dalam buku anggaran ini tidaklah saya mengetahui. Tetapi saya khuatir kerana saya menganggap Kementerian Luar Negeri adalah satu Kementerian yang mustahak untuk memprojeikan imej kita. Saya berharap agar dapat pada tahun-tahun yang akan datang apa juga permohonan peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Luar Negeri diberi dengan sepenuhnya kerana ada beberapa kelemahan di dalam Kementerian Luar Negeri, terutamanya di Jabatan-jabatan Kedutaan kita di luar negeri yang barangkali tidak dapat dijalankan dan tidak dapat diatasi disebabkan oleh kekurangan wang.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka menyentuh berkenaan dengan penerangan. Tidak boleh dinafikan bahawa penerangan memainkan peranan yang sangat mustahak mahupun untuk memberi penerangan kepada penuntut-penuntut kita di seberang laut ataupun untuk menerangkan dasar-dasar luar negeri kita. Saya bawa dua contoh. Contoh yang pertama, ada berita di dalam sebuah akhbar di luar negeri yang mengatakan kononnya pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi daripada kaum bukan bumiputra banyak telah pergi menyertai gerakan bawah tanah (underground activities) disebabkan mereka tidak puas hati dengan dasar Ekonomi Baru negara kita. Berita ini di luar negeri tetapi mengapa Wisma Putra diam, mengapa maka kedutaan-kedutaan kita di luar negeri diam, tidak hendak menentang anasir yang membawa imej buruk kepada negara kita. Contoh kedua, baru sahaja hari ini di dalam satu soalan mengatakan samada benar atau tidak imej negara kita telah disebut-sebut di luar negeri mengatakan Malaysia adalah satu pusat yang terbesar mengeluarkan atau mengedarkan dadah. Mengapa maka Wisma Putra diam, mengapa maka duta-duta kita di seberang laut diam. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menafikan di dalam Dewan yang mulia ini. Mengapa tunggu hingga soalan itu timbul di Dewan yang mulia ini maka hendak dinafikan. Sepatutnya sertamerta sahaja perkara itu keluar, maka sertamerta sahaja Bahagian Penerangan kita di seberang laut menafikan dengan segala bahan-bahan dan bukti-buktinya. Jadi berita-berita angin yang liar itu dapat serta-merta dihapuskan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga membawa satu perkara yang lain mengenai penerangan iaitu berkenaan dengan apa yang telah dipertanyakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita mengenai dasar kita sekarang untuk menambah lagi supaya hasil-hasil keluaran negeri Malaysia ini dapat dieksport keluar negeri. Apakah peranan yang dibuat oleh Commercial Attache kita di seberang laut? Saya berpendapat bahawa sungguhpun mereka membuat kerja sebegitu tekun tetapi tidak mencukupi usaha yang dibuat oleh mereka. Ada cadangan-cadangan dibawa di dalam Dewan ini supaya jawatan Commercial Attache itu diberi kepada saudagar-saudagar ataupun diberi kepada orang-orang perniagaan. Tuan

Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan cadangan itu. Kalaulah ahli-ahli perniagaan, saudagar-saudagar diberi jawatan Commercial Attache ini saya khuatir mereka akan mementingkan diri mereka sendiri daripada mementingkan faedah negara. Saya berharap walau bagaimanapun cadangan yang dikemukakan hendaklah pihak yang berkenaan meneruskan supaya siapa juga yang memegang jawatan Commercial Attache itu biarlah daripada pegawai di dalam perkhidmatan awam tetapi boleh juga dipertimbangkan jawatan ini kepada ahli-ahli siasah, senior politician yang tidak ada di dalam bidang perniagaan tetapi mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan dan perusahaan supaya benar-benar memberi perkhidmatan untuk memprojeikkan negara kita manambahkan orang-orang di luar negeri mengetahui sebenarnya apa yang kita buat, apa yang kita boleh jual, berapa, banyak, berapa harga dan sebagainya.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, adalah berkenaan dengan pegawai-pegawai mahupun dari pada perkhidmatan awam ataupun badan-badan berkanun yang bekerja di seberang laut. Pada masa ini yang bekerja di kedutaan-kedutaan kita, katakanlah pegawai ataupun Commercial Attachenya mereka menganggap diri mereka ini di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kalau pula Information Attachenya mereka menganggap bahawa mereka itu di bawah Kementerian Penerangan dan seterusnya, kalau Pegawai MAS pula dia memikirkannya: Saya apa pedulihai duta Malaysia, saya di bawah Malaysian Air System. Kalau pula dia menjadi pegawai mewakili PERNAS, dia mengatakan bahawa dia di bawah arahan Pengerusi PERNAS sungguhpun dia duduknya di bawah satu bangunan iaitu di kedutaan kita. Saya minta supaya dikonsolidasikan semua pegawai-pegawai yang berkhidmat di seberang laut mahupun di Kementerian-kementerian yang lain ataupun di badan-badan berkanun hendaklah diletakkan masa mereka berkhidmat di seberang laut di bawah Kementerian Luar Negeri dan di bawah jagaan ataupun kuasa duta-duta kita. Maka dengan ini bolehlah diselaraskan apa juga kerja-kerja dan usaha-usaha bagi kepentingan negara kita dan juga kerana Wisma Putra ini sebagaimana yang diterangkan adalah daripada diplomatic service, yang pertama qualifications mereka yang dihantar ke seberang laut itu hendaklah mempunyai

qualifications: pandai berdiplomasi, bertata-tertib, bukan sahaja kepada pelawat-pelawat daripada negara kita sendiri, bahkan lebih-lebih lagi daripada orang-orang yang datang berjumpa, bertanya dan sebagainya.

4.11 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 31, Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (3), Penerangan Luar Negeri, peruntukan sebanyak \$879,640 dan Aktiviti (6) Kemudahan Perhubungan dan Keselamatan, peruntukan sebanyak \$314,700 dan Pecahan-kepala 1200—Elaun dan lain-lain Habuan Wang, muka surat 223, peruntukan sebanyak \$7,822,645.

Jabatan Penerangan Luar Negeri adalah satu jabatan yang paling penting dan mustahak untuk memberi penerangan dan gambaran yang sebenar mengenai Malaysia di luar negeri. Jabatan ini hendaklah selalu mendapat bahan-bahan penerangan dari tanahair untuk disebarkan di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Berita-berita yang keliru dan salah, selalu dikeluarkan oleh akhbar-akhbar di luar negeri dan kadang-kadang mendapat pablisiti (publicity) yang besar di akhbar-akhbar. Dan selepas itu baharulah ada penapian dari Kementerian Luar Negeri. Ini disebabkan bahawa maklumat yang dihantar ke Kementerian Luar Negeri mungkin lambat untuk disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, sehingga satu penapian perlu dibuat.

Tuan Pengerusi, penuntut-penuntut kita di luar negeri, walaupun di mana sahaja mereka berada, hendaklah sentiasa dihubungi oleh Jabatan Penuntut Malaysia melalui Bahagian Penerangan ini supaya mereka juga dapat mengetahui mengenai kedudukan negara yang sebenarnya, setelah berada di luar negeri sekian lama.

Bahan-bahan penerangan, seperti surat khabar, majallah-majallah, Penyata Rasmi Parlimen (Hansard), hendaklah juga dihantar sebagai maklumat sebaran kepada mereka di luar negeri. Bahan-bahan ini perlu kepada mereka.

Kita lihat sahaja bagaimana Jabatan Penerangan Amerika Syarikat (U.S.I.S.) atau Jabatan Penerangan British di Kuala Lumpur menjalankan kegiatannya, samada melalui

akhbar, ataupun melalui tayangan-tayangan filem seminggu sekali diadakan p cuma. Ini menggambarkan bahawa maklumat yang disampaikan secara begini adalah lebih berkesan.

Pegawai-pegawai di Kedutaan kita di luar negeri hendaklah sentiasa memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai atau pelawat-pelawat dari Malaysia yang berkunjung di tempat-tempat mereka yang berkenaan, samada secara rasmi ataupun tidak. Kementerian Luar Negeri hendaklah sentiasa menghubungi Kedutaan-kedutaan kita mengenai pelawat-pelawat dari Malaysia supaya dapat memandu mereka semasa berkunjung di luar negeri. Ini akan memberi satu pertolongan yang besar kepada pelawat-pelawat kita. Pernah terjadi pegawai-pegawai di Kedutaan kita tidak ada menunggu kedatangan rombongan dagang yang melawat di sebuah negeri. Ini boleh jadi samada pegawai Kedutaan tidak ada menerima maklumat dari Kementerian Luar Negeri. Saya harap perkara ini dapat diperbaiki lagi.

Tuan Pengerusi, di bawah Pecahan-kepala 1200, Elaun dan lain-lain Habuan Wang, peruntukan sebanyak \$7,822,645.

Kita sedia maklum bahawa di setengah-setengah negeri, keadaan sara hidupnya adalah tinggi. Gaji yang dibayar kepada kedutaan-kedutaan kita mungkin tidak mencukupi, kerana ini mengikut susunan tanggaji. Dari itu, saya mencadangkan bahawa elaun yang secukupnya hendaklah diberi. Ini bukan sahaja menjaga tarafnya sebagai duta kita, malah menjaga imej Negara kita di luar negeri. Mereka bukan sahaja menerima pelawat-pelawat dari dalam negeri, tetapi juga menerima kunjungan menteri-menteri dan pegawai-pegawai kita yang membuat lawatan ke seberang laut samada rasmi ataupun tidak. Oleh kerana itu, saya fikir adalah wajar diberi elaun yang secukupnya kepada Duta-duta dan pegawai-pegawai Kedutaan kita di luar negeri.

Tuan Pengerusi, Kepala Pembangunan P. 31, muka surat 227, Pecahan-kepala 1—Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut, peruntukan sebanyak \$3,600,000.

Dalam dunia yang serba maju ini, kita hendaklah sentiasa berwaspada apa yang telah berlaku dengan kegiatan Tentera Merah

Jepun di Bangunan A.I.A., di Kuala Lumpur sedikit hari dabulu. Ini bermakna kemudahan keselamatan hendaklah sentiasa mendapat perhatian dari pihak-pihak yang berkenaan. Adalah wajar, kemudian keselamatan ini mendapat perhatian yang secukupnya.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementian Luar negeri.

4.17 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yehya (Maran): Tuan Pengerusi, saya bagun untuk menyokong peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerian Luar Negeri. Di sini saya suka menyentuh sedikit di bawah Pecahan-kepala 2100 dan 2300, di bawah Aktiviti (2) dan (3) Politik dan Penerangan Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, semenjak beberapa tahun kebelakangan ini Kementerian Luar Negeri telah berada di dalam limelight kerana usaha-usaha Menteri yang berkenaan untuk menjayakan sehingga ia menjadi reality iaitu gabungan ASEAN dan juga di atas usaha Menteri yang berkenaan untuk melahirkan konsep aman, bebas dan berkecuali serantau sehingga ini juga menjadi satu reality. Usaha Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini patutlah mendapat ucapan tahniah daripada seluruh negara, apatah lagi apabila beliau ini telah sanggup meninggalkan anak dan isteri semasa Hari Raya Puasa yang lepas semata-mata kerana tugas negara.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di Colombo baru-baru ini adalah sudah menjadi suatu pengetahuan umum. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa apa yang berlaku itu patutlah tidak mengecewakan kita, tetapi kita harus menganggapkannya sebagai challenge untuk kita berusaha lebih giat lagi supaya konsep aman, bebas dan berkecuali itu menjadi reality. Saya tidak menyalahkan mengapa negara komunis ini mempunyai reservation seperti kita Yang Berhormat Menteri dalam masa soal jawab tadi kerana memang politik mereka, ekonomi mereka dan keadaan sosial mereka itu adalah sangat berlainan dengan negara kita. Bagaimana anggapan kita terhadap negara komunis, begitulah juga anggapan negara komunis terhadap negara kita. Kedua-dua ini adalah antithesis.

Jadi, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam soal jawab tadi bahawa mereka ini mempunyai reservation oleh kerana konsep aman, bebas dan berkecuali ini dilahirkan semasa Hanoi berperang dengan Amerika. Perkataan asas ini adalah satu perkara, dalam bahasa Inggerisnya fundamental—hak yang tak boleh dialih. Jikalau ini menjadi asasnya Hanoi tidak bersetuju pada konsep ini bagaimana Hanoi masa hadapan hendak bersetuju atas konsep yang sama. Kerana asas itu kerana benda ini lahir di dalam masa mereka berperang dengan Amerika. Adakah kita hendak merombak kembali, tukar sedikit nama konsep ini, kemudian pergi melobi supaya mereka mahu menerima, ini saya rasa tentu tidak. Dan mahukah negara kominis ini menarik balik ataupun retract daripada apa yang diperkatakan oleh mereka di dalam persidangan di Colombo. Saya rasa ini pun tidak mungkin akan berlaku. Saya rasa apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah untuk memberi kepercayaan kepada negara kominis di rantau ini bahawa konsep ini bukanlah konsep Kerajaan, bukanlah konsep seorang berdua, bukannya konsep Kerajaan boneka seperti yang diperkatakan oleh kominis. Sungguhpun mereka ini tahu akan sistem ataupun cara kita memilih Kerajaan, tetapi mereka ini masih menganggap bahawa Kerajaan yang dipilih hari ini adalah Kerajaan yang disokong oleh setengah-setengah pihak yang menjadi musuh kepada kominis. Sekarang kita mesti memberi kepercayaan kepada mereka bahawa ini adalah satu konsep yang diterima oleh semua orang, konsep yang dimahukan oleh peladang, penuntut, kesatuan sekerja, guru, kaum intelek, kaum peniaga dan sebagainya. Adalah sesuai saya rasa kalau Kementerian ini dapat menambah sedikit peruntukan supaya peruntukan ini dapat digunakan untuk menggalakkan kumpulan-kumpulan yang saya sebutkan itu tadi iaitu seperti kesatuan guru-guru untuk melawat ke negara-negara kominis membincangkan masaalah pelajaran, masaalah yang dihadapi bersama dan cara-cara mengiratkan hubungan di antara guru di sana dan guru di sini. Begitu juga lawatan peladang-peladang supaya mereka ini dapat membincangkan masaalah peladang di negeri kominis, peladang di negara ini. Cara mana mereka boleh bekerjasama, cara mana boleh mempelajari teknik antara satu sama lain; ataupun juga lawatan oleh kesatuan-kesatuan sekerja untuk mereka membincangkan masa-

alah pekerja-pekerja di dua buah negara dan mencari jalan supaya mereka dapat bekerjasama dan sebagainya. Begitu juga lawatan Ahli-ahli Parlimen secara resmi dan secara tidak resmi. Lawatan-lawatan pertubuhan belia. Inilah satu cara saya fikir di mana dua buah negara ini dapat mengenali betul-betul antara satu sama lain, kerana pertubuhan-pertubuhan ini adalah merupakan wakil daripada orang ramai dan orang ramai ini yang menyokong, yang berkehendakkan konsep yang kita alu-alukan itu. Perhubungan secara personal, secara informal sangat penting untuk memberikan kepercayaan kepada mereka.

Satu lagi mengenai dengan perkara-perkara penerangan (information) sungguhpun perkara ini adalah di bawah Kementerian yang lain barangkali Kementerian Penerangan, tetapi konsep aman, bebas dan berkecuali ini adalah satu perkara yang sangat-sangat penting, bukan sahaja bagi negara kita, tetapi negara di seluruh di Tenggara Asia ini. Jadi patut jika Kementerian Penerangan bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri ataupun Kementerian Luar Negeri sendiri mengadakan satu seksi, dan saya percaya seksi ini pun telah ada mengenai dengan penerangan-penerangan. Hari ini kita tengok, misalnya, pagi ini tadi negara Jepun telah menghantar tiga buah buku yang tebal-tebal mengenai negara Jepun—White Papers on Japan, Japan Economic Policy dan berbagai lagi. Begitu juga dengan Pacific Friend, majallah yang kita terima tiap-tiap bulan dihantar dengan percuma, cantik semata-mata untuk memberi penerangan. Tetapi saya khuatir kalau Kementerian Luar Negeri ada membuat penerangan seperti itu, kalau tidak 100% sekurang-kurang 50%. Negeri Jepun sampai budget speechnya sendiripun dihantar kepada kita supaya kita tahu kita dapat information cepat, kita tahu apa yang berlaku dan kita dapat gambaran yang benar dan wajar mengenai negara Jepun. Di sini saya rasa patut sangat di ketika ini selain daripada membuat lawatan resmi tak resmi pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi sekurang-kurangnya Kementerian ini juga memberi maklumat-maklumat yang asas mengenai Kerajaan kita, apa yang berlaku di sini supaya mereka dapat mengenali dengan lebih dekat. Saya rasa sudah berkurun-kurun lamanya semenjak negara-negara kominis ini menjadi kominis ataupun negara baru yang belum jadi kominis telah menjadi kominis

yang telah diperintahkan oleh, bukan orang puteh tetapi oleh Peranchis tidak mendapat sebarang maklumat daripada negara kita ini. Ini menimbulkan satu perasaan syakwasangka di atas konsep yang kita hendak jadikan reality. Perkataan neo-colonialism itu memang tidak hilang daripada fikiran kominis. Apatah lagi tadi kita baru dengar dalam soal jawab berapa loan di bawah Rancangan Ketiga ini semuanya datang daripada Amerika, Canada dan World Bank. Jadi macam mana hendak menyebabkan mereka ini mahu mempercayai bahawa kita adalah melahirkan konsep yang kita agung-agungkan itu tidak dipengaruhi oleh sesuatu negara asing. Susah mereka hendak percaya. Inilah satu kesukaran saya rasa yang dihadapi oleh kita khasnya Kementerian Luar Negeri dan inilah penerangan secara halus, kita masuk secara halus, secara baik, secara diplomatic, supaya message kita itu sampai kepada mereka bahawa apa yang kita hendak sekarang bukanlah dikehendaki oleh orang-orang yang di luar daripada negara ini, orang yang mempengaruhi ekonomi kita, tetapi oleh rakyat sendiri.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya mohon supaya kalau ada benar apa yang saya katakan itu maka Kementerian ini seharusnya memberi pertimbangan sewajarnya.

4.30 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong anggaran perbelanjaan Kementerian Luar Negeri yang berjumlah sebanyak \$49,650,000. Terlebih dahulu biarlah saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri khasnya Menteri Luar Negeri yang telah bekerja keras bagi menaikkan imej Malaysia terutama sekali di negara-negara Asia Barat yang dapat memahami keadaan ekonomi kita, mereka banyak datang ke negeri ini melaburkan modal seperti daripada Kuwait atau Arab Saudi dan lain-lain lagi, tetapi ada juga dalam pada itu beberapa perkara yang patut diperbaiki lagi tentang cara perjalanan atau dasar Kementerian Luar Negeri, kerana walaupun negeri kita ini kecil, tetapi nampaknya perkembangan politik dan juga keadaan percaturan pemerintahan kita berjalan begitu cepat yang patut sama diikuti oleh Kementerian Luar Negeri. Kalau kita pandang di waktu yang akhir-akhir ini dalam percaturan politik luar, nampaknya kita

ketinggalan sedikit, kalau kita tidak gagal pun barangkali kita ketinggalan sedikit. Jadi dalam perkara ini saya suka hendak sentuh pada Pecahan-kepal 2300—Perhubungan Aktiviti (1) (2) dan (3) Pentadbiran, Politik dan Penerangan Luar Negeri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Apa yang saya kata ketinggalan sedikit tadi ialah dari segi kita menerangkan ataupun mencanangkan konsep berkecuali iaitu Deklarasi Kuala Lumpur. Kerana saya pandang apabila negara-negara berkecuali bersidang di Colombo, mereka tidak begitu tertarik hati hendak menyokong kita bahkan menolak terus dasar itu, bererti kita rasa bahawa ada sesuatu yang kurang bagi kita samada cara kita bermain politik di luar ataupun cara kita memberi penerangan di luar. Kerana dasar berkecuali adalah satu dasar yang sangat penting kepada kita bukan sahaja bagi Asia atau ASEAN tetapi khususnya bagi negara kita sendiri, sebab kita adalah sebuah negara kecil yang tidak mempunyai pertahanan yang kuat, yang tidak suka bergaduh; kita hendak hidup makmur, jadi kalau boleh biarlah orang lain memahami hasrat kita begini, kerana sesuatu dasar luar kalau tidak diberi penerangan yang bersungguh-sungguh atau lebih tegas atau kita berkempen di luar, harus orang tidak akan menyokong kita. Kita tentu masih ingat sewaktu dasar berkecuali diisytiharkan oleh Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Abdul Razak, kita sendiri ketahui, negara-negara ASEAN sendiri pun belum mahu terima, terpaksa Allahyarham itu sendiri keluar berkempen memujuk dengan begitu kuat barangkali, barulah negara-negara ASEAN manghampiri kita dan mendapat persetujuan, ini baru mendapat persetujuan dari negara-negara ASEAN—lima buah negara. Negara-negara Asia Barat atau negara-negara di Indo-China sendiri belum dapat mengerti dasar ini. Sebaik-baiknya selepas perang Vietnam yang kita rasa bimbang ialah orang-orang Indo-China tidak akan menerima dasar berkecuali, sebab mereka berdasarkan kominis, fahaman kominis, seharusnya apabila habis perang Vietnam itu, kita segera memberi fahaman dan pengertian kepada mereka secara bersungguh-sungguh, mengapa kita buat dasar berkecuali; mengapa kita buat Deklarasi Kuala Lumpur. Kalau tidak pun Malaysia sendiri hendak berbuat begitu,

sepatutnya negara ASEAN ambil inisiatif pergi ke negara-negara Indo-China menerangkan kepada mereka, mengapa kita buat begini supaya mereka tidak ada syak wasangka bahawa Deklarasi Kuala Lumpur ini, dasar berkecuali ini ialah dasar colonialist. Maknanya dasar yang dibuat oleh Amerika ataupun British.

Saya rasa ini satu kekurangan yang berlaku dalam dasar luar kita yang kita nampak. Kalau kita ambil pengertian tentang apa orang lain buat, umpamanya negara Indo-China sendiri sebaik-baik sahaja tamat perang Indo-China, mereka dahulu segera datang ke negeri kita. Ini satu contoh kita patut buat. Mereka sendiri datang buat rombongan melawat ke negeri kita menerangkan dadasar Indo-China mereka, barangkali menerangkan mengapa mereka menentang Amerika, mengapa mereka berperang sampai 20-30 tahun dan niat mereka tidak hendak mengganggu negara-negara kecil di Asia Tenggara, mereka datang ke negeri kita walaupun barangkali kita tidak menjemput menerangkan dasar mereka dan kerana itu menyebabkan kita faham dan hilang keraguan. Tetapi mengapa kita tidak berbuat begitu kepada mereka, pergi ke negeri mereka menerangkan mengapa kita buat dasar berkecuali. Ini bukan dasar penjajah barat. Ini bukan disuruh oleh orang barat, atau ini tidak ada kepentingan sama sekali dengan negara-negara imperialis. Sepatutnya kita pergi menerangkan kepada mereka, begitu juga kepada negara-negara Asia Barat, hatta kepada negeri Islam sendiri. Kalau kita boleh pergi ke negeri China berjumpa dengan Mao Tse-tung menerangkan dasar kita, mengapa kita tidak boleh pergi ke Vietnam, mengapa kita tidak boleh pergi ke Indo-China yang begitu dekat. Akhirnya apabila persidangan Colombo diadakan maka dengan terang dan tegas mereka menolak, menunjukkan mereka tidak mengerti, tidak tahulah kalau mereka sengaja tidak mahu mengerti, nampaklah di situ seolah-olahnya bukan sahaja Malaysia, tetapi ASEAN sendiri kalah berpolitik dengan negara-negara lain. Kita tidak dapat memikat hati orang Asia Barat, tidak dapat memikat hati orang-orang Indo-China untuk memahami atau mendengar dasar berkecuali kita. Ini adalah satu pengajaran. Pelajaran bagi kita bahawa di masa akan datang cara strategi politik kita di luar negeri atau penerangan kita di luar negeri, eloklah diperbaiki lagi dari semasa ke semasa. Bukan pula

selama ini yang dibuat itu tidak betul, tetapi yang saya katakan ini masih ada benda yang patut diperbaiki supaya dasar luar kita, cara gerakan kita lebih cekap dan lebih tegas, lebih berani dan lebih mengambil kesempatan dalam mengatur strategi dasar luar.

Selain daripada itu saya suka menyentuh bahawa setahun dahulu saya telah mengesyorkan supaya kita menghantar rombongan ke Hanoi, tetapi Yang Berhormat Menteri kita kata tidak penting, sebab kita telah ada Kedutaan di Hanoi. Tetapi dasar kita masih tidak dimengerti orang. Ini menunjukkan bagaimana patut diperbaiki cara kedutaan kita bergerak supaya lebih cekap agar Duta-duta kita itu dapat bermain politik sesuai dengan dasar negara kita dan negara-negara Aisa. Maknanya bukanlah dasar politik kita semata-mata di dalam negeri ini, mengenai hal parti Barisan Nasional, hal pemimpin UMNO sahaja atau masaalah Menteri-menteri sahaja. Mereka yang berada di luar negeri tidak mengambil tahu apa yang berlaku di dalam negeri atau pun dasar negerinya. Nampak saya kedutaan kita tidak dapat mengejar politik ditanahair kita. Sepatutnya apa yang berlaku di tanahair sepatutnya segera dapat diterangkan di luar negeri atau sekurang-kurangnya memberitahu kepada negara-negara asing bagaimana kedudukan di negeri ini supaya tidak membimbangkan. Sebab kita tahu negara-negara asing sangat mengambil berat mengenai kejadian-kejadian yang berlaku di Malaysia.

Misalnya, baru-baru diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang baru balik daripada luar negeri, mereka (negara asing) selalu menyebut dan membuat pertanyaan yang bertalutalut tentang bagaimana keadaan keselamatan di tanahair kita, bagaimana sikap kita terhadap kominis dan sekiranya mereka melabur modal di negara kita ini, apa akan terjadi. Ini menunjukkan bagaimana orang-orang di negara luar sangat-sangat hendak mengetahui hal keadaan yang berlaku dari semasa ke semasa mengenai keadaan yang berlaku di tanahair kita sendiri. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri itu soal-soal yang seumpama ini telah diterangkan oleh seorang saudagar yang mengikuti rombongannya. Saya fikir diterangkan oleh kedutaan kita di sana, tetapi orang yang mengikut rombongan itu yang menerangkan mengenai keadaan negara kita sendiri. Sepatutnya Kementerian Luar Negeri kita

dapat memberi penerangan dengan lebih lanjut mengenai apa yang berlaku bukan sahaja di luar negeri, di kedutaan masing-masing, tetapi hal yang berlaku dari semasa ke semasa di tanahair kita sendiri.

Di sini kita boleh nampak bahawa strategi politik luar negeri kita itu ketinggalan daripada apa yang berlaku di tanahair. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dapat memberi penerangan samada dengan cara membekalkan penerangan-penerangan ataupun mengadakan briefing yang lebih pantas mengenai apa yang berlaku di tanahair dari semasa ke semasa dan bagaimana sikap yang patut diambil oleh kedutaan kita di negeri-negeri yang berkenaan terhadap hal-hal yang berlaku di tanahair kita. Umpamanya, baru-baru ini peristiwa penangkapan terhadap beberapa orang ahli politik, tentu sekali akhbar-akhbar luar negeri menyiarkan berita ini secara besar-besaran dan boleh jadi juga barangkali ada permainan yang menuduh bahawa Kerajaan kita menekan demokrasi atau tidak adil kerana menangkap dengan sewenang-wenangnya. Kadang-kadang pihak Pembangkang di dalam negeri kita lebih pantas membuat publicity keluar negeri daripada kita sendiri yang memberitahu luar negeri, sehingga kadang-kadang tardapat ulasan daripada akhbar-akhbar luar negeri itu menjatuhkan imej Kerajaan kita. Kita belum sampai ke situ. Ini satu perkara yang saya minta supaya Kementerian Luar Negeri mengambil berat dalam perkara ini dengan lebih cekap dan pantas dalam memberikan penerangan mengenai politik yang berlaku di negara kita selaras dengan perkembangan di luar negeri. Saya rasa kalau sekiranya kita menghantar rombongan ke Hanoi lebih awal atau ASEAN sendiri mengambil initiative dengan menerangkan lebih awal. Sekiranya kumpulan negara ASEAN boleh pergi menerangkan dengan lebih awal ke Hanoi, Vietnam, Indo-China, Negara-negara Asia, Afrika, kalau perlu, saya rasa sikap negara-negara berkecuali di Colombo adalah berlainan daripada apa yang terjadi dalam persidangan yang baru lepas terhadap konsep berkecuali kita.

Saya suka menyentuh lagi sedikit berkenaan dengan hal penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru lepas. Kerana mereka ini orang yang berpelajaran dan bakal-bakal pemimpin kita

pada masa akan datang, mereka pergi belajar di luar negeri, tetapi yang anihnya dasar luar negeri lain ataupun konsep negeri orang lain lebih termasuk ke hati mereka daripada konsep dan dasar negara kita sendiri. Jadi di sini patutlah Kementerian Luar Negeri bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran supaya sebarang anak-anak kita, atau penuntut-penuntut Malaysia yang hendak belajar keluar negeri sebelum mereka bertolak hendaklah diadakan Majlis briefing oleh Kementerian Luar Negeri bagi memberitahu mereka bagaimana keadaan atau sikap mereka manakala berada menuntut di luar negeri atau bagaimana keadaan politik di tanahair kita di sini, bagaimanakah mereka patut bertindak sekiranya berlaku sesuatu hal di luar negeri supaya tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir subversive ataupun anasir-anasir yang tidak diinginkan di luar negeri seperti apa yang terjadi di Australia umpamanya. Penuntut-penuntut kita lebih cenderung kepada politik orang lain daripada memahami politik negaranya sendiri, dan kerap kali apa yang berlaku di Malaysia dianggapnya sebagai satu kekejaman atau satu perkara yang tidak adil. Dan boleh jadi tidak ada siapa yang hendak memberitahu mereka di sana. Perkara seperti ini patutlah diatur bagaimana penerangan yang lebih berkesan diberikan terhadap penuntut-penuntut kita di luar negeri. Sebelum mereka keluar negeri patutlah diberi briefing oleh Kementerian Luar Negeri bagaimana sikap yang patut mereka lakukan di luar negeri.

Selain daripada itu patut juga dikawal dengan lebih ketat supaya anasir-anasir subversive atau anasir-anasir jahat di sini tidak boleh lepas keluar negeri, sama ada ini tanggungjawab Kementerian Luar Negeri ataupun Imigresen. Umpamanya Hishamudin yang lari ke Australia seperti mana yang kita baca di akhbar. Kita tidak tahu bagaimana beliau seorang yang dikehendaki oleh Polis di sini dapat terlepas keluar negeri, adakah salah Imigresen, dan di mana dia dapat visa, passport dan bagaimana dia boleh lepas daripada airport kita—kita tidak tahu. Ini menunjukkan satu kelemahan kita dan ketika berada di luar negeri dia boleh menceritakan bermacam-macam keburukan kita terhadap penuntut-penuntut sewaktu berlaku demonstrasi dan sehingga mereka berani campur politik tanahair kita. Orang yang kita tangkap baharu-baharu ini, mereka berani minta dilepaskan, pada hal mereka tidak tahu siapa

yang kena tangkap, apa latar-belakangnya dan apa aktivitiinya. Tetapi oleh sebab mereka anggap bahawa apa yang dibuat oleh Kerajaan kita mengenai penangkapan itu dianggapnya sebagai satu kekejaman, satu kezaliman dengan sebab itu mereka berani campur tangan. Ini saya rasa menjadi satu tanggungjawab kepada Kementerian Luar Negeri dan pihak Kementerian haruslah memandang berat atas masalah ini kerana ini adalah imej negara kita.

Saya hendak memberikan pujian mengenai dasar luar kita dari segi ekonomi, ini baik sekali. Nampaknya kita memberatkan ekonomi sebab kita bergantung kepada ekonomi luar negeri tentang pelaburan dan ini menjadi satu contoh yang baik. Kalau kita hendak menarik pelabur asing menanam modalnya di negara kita supaya ekonomi kita kukuh, kita terpaksa menghantar rombongan demi rombongan, pergi bercerita dan menerangkan mengenai hal keselamatan, hal perniagaan, kekukuhan politik, seperti ke Amerika, ke Eropah, Perancis, Afrika, Asia Barat untuk hendak memperkukuhkan ekonomi kita. Sekiranya kita tidak menghantar rombongan, kita tidak memberi penerangan, siapakah yang hendak tahu keadaan pelaburan di negeri kita dan harus tidak ada orang yang hendak melabur. Orang tak tahu. Setelah dihantar rombongan pun mereka masih was-was, apa lagi tentang hendak mengerti menerangkan dasar luar dan politik kita, sekiranya kita tidak menghantar rombongan pergi ke negeri asing untuk menerangkan dengan lebih jauh pengertian mereka terhadap negara kita. Inilah satu contoh dan dengan itu saya rasa dasar luar mengenai ekonomi dan cara mencari pelaburan boleh dibanggakan dan sangat menggalakkan, ini patut diteruskan lagi dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dengan cara itu, kita sendiri boleh nampak dengan tidak menunggu masa tahunan, tetapi beberapa bulan sahaja keadaan pelaburan asing dan pengertian mereka terhadap ekonomi kita berubah sama sekali. Dan dengan itu juga saya rasa patut diambil contoh oleh Kementerian Luar Negeri dalam menerangkan hal politik dan strategi kita terhadap kokokohan ekonomi dan kestabilan politik negara kita supaya mereka tidak memandangkan Malaysia ini negara kecil sangat. Tetapi walaupun kecil

pada nisbah tanahnya tetapi tidak kecil dari segi politik dan segi pemikiran kita di luar negeri.

Itulah sahaja pandangan saya, saya harap dapat pertimbangan dan akhirnya saya sekali lagi menyokong perbelanjaan Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan, bila Pengerusi bercakap, semua Ahli duduk. Saya tidak suka lagi hendak menghadkan masa atau waktu selama mana Ahli Yang Berhormat bercakap, tetapi kenalah ingat kita ada banyak lagi Kepala-kepala yang hendak dibahaskan. Jadi, saya mintalah kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, tolonglah pendek-pendekkan sedikit teguran, jangan ulang-alik atas sesuatu maudhok, sesuatu perkara itu diulang-ulangkan begitu begini, itu merugikan masa. Banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya minta kerjasama dahulu.

4.52 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh sedikit di bawah B. 31, Pecahan-kepala 2300 Perhubungan dan Aktiviti (2), muka surat 224.

Tuan Pengerusi, saya mengambil perhatian bahawa Kerajaan atau Kementerian Luar Negeri telah memperuntukkan sejumlah wang sebanyak \$49,650,000 untuk berbagai-bagai kegiatan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, saya rasa jumlah wang ini adalah besar dan saya pun hanya berharap wang ini akan membolehkan Kementerian merancang imej politik (political image) yang lebih baik ke peringkat antarabangsa dan penghargaan yang lebih bermakna dasarnya di dalam negeri.

Tuan Pengerusi, malangnya Malaysia tidak pernah dapat memberikan kesan di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo (Non-aligned Nations Conference) baru-baru ini. Ini adalah satu perundingan bahawa usaha Malaysia untuk merancang imej berkecuali telah menempuh kegagalan yang teruk. Ia juga menunjukkan bahawa Malaysia tidak dapat mengambil pandangan dan pendapat kebanyakan negara yang terutamanya, Tuan Pengerusi, negara-negara

Afrika khususnya dapat mengutuk dan banyak bercakap. Ini telah memmeranjatkan Malaysia terutamanya Perdana Menteri kita, dan ini menunjukkan Perdana Menteri kita yang ada di dalam perundingan itu tidak ada conference psychology. Saya nampak, Tuan Pengerusi, sangatlah dukacita dan Malaysia semestinya dan saya mendapat tahu dari punca-punca yang sah bahawa selain dari menunjukkan kebaikan hati Malaysia telah diketepikan keluar. Kenapakah, Tuan Pengerusi, ini begini? Dan apakah yang kekurangan? Saya harap Kementerian berkenaan akan buat satu siasatan dan saya ada diberitahu oleh pemberita-pemberita antarabangsa di Bangkok dan Manila kerana Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo adalah persidangan yang penting, dari pandangan menggubal keputusan-keputusan dasar luar, Kerajaan adalah mempunyai kewajiban untuk menerangkan kesan-kesan yang penuh kepada negara, rakyat dan juga Parlimen. Ini telah tidak dilakukan. Belum lagi, Tuan Pengerusi, sungguhpun tadi Menteri yang berkenaan ada beri sedikit ucapan bila beliau membentangkan allocation Kementeriannya.

Tuan Pengerusi, ini adalah teknik yang saya percaya yang lazim digunakan oleh Kerajaan untuk menudung kelemahan sesuatu yang telah salah. Dalam pengertian ini, DAP tidak tertarik hati atau gembira dengan cara atau jalan bagaimana idea kawasan aman dan bebas dijelaskan secara antarabangsa.

Adalah mustahil kiranya Kerajaan fikir bahawa negara-negara dalam dunia akan menerima apa yang ia fikir baik. Inilah kesilapan Malaysia. Ini adalah sangat tidak mempunyai kesenian dan tidak lancar. Kerajaan mestilah ingat bahawa India adalah negara perintis dalam lapangan ini dan saya akan kembali kepada tajuk ini kemudian. Dengan ini, Tuan Pengerusi, point yang saya cuba tekankan di sini adalah bahawa Malaysia sedang mencuba menjual satu pandangan bekas pakai yang diimport (a second-hand imported idea) kepada dunia seluruhnya. Juga seperti yang Malaysia fikirkan bahawa pandangan demikian akan menguntungkannya, janganlah lupa, Tuan Pengerusi, lain-lain negara, seperti negara Asia dan Amerika Syarikat khususnya negara-negara yang besar juga akan berfikir bagaimana, dengan menyokong pandangan

seperti itu, mereka akan mendapat keuntungan. Adalah tidak munasabah kiranya Malaysia mimpikan bahawa dengan meneruskan pandangan seperti itu, negara-negara kuat dunia akan melepaskan tangan mereka atau tidak mencampuri Malaysia atau negara-negara Tenggara Malaysia amnya. Kiranya ini semudah itu, dunia ini adalah tempat yang lebih baik untuk tinggal dan dengan itu tidak guna untuk membincangkan kawasan aman.

Tuan Pengerusi, DAP atau pembangkang bukannya mencotang kawasan aman (zone of peace) kerana ini adalah apa pengecualian (neutralisation) akan memberi tujuan. Samada pengecualian kepada Malaysia atau non-alignment kepada orang-orang India ataupun positive neutralism kepada President Nasser, Egypt dan Nkrumah di Ghana, perkara itu masih tinggal iaitu pandangan itu bukannya baru. Itulah yang kita mesti mahu ingat, bahawa sangatlah tidak mungkin. Oleh itu bahawa ini akan dapat menakluki pemikiran dunia. Bagaimana lembabnya Malaysia tidak berjaya hinggakan ke perkara ini hingga masa ini.

Peperangan Vietnam telah tamat dan orang-orang Amerika telah keluar. Tetapi yankees belum lagi meninggalkannya. Begitu juga orang-orang Russia belum lagi meninggalkan! Kebetulannya kedua-dua negara yang bersengketa ini sedang mencuba datang melalui pintu belakang. Apa yang telah berhenti di Tenggara Asia ialah bimbang dan pertempuran berdarah (bloody fighting). Apa yang tidak berhenti ialah pengaruh halus dan penerimaan cara baru untuk campur tangan. Inilah apa yang ditakutkan oleh Kerajaan Malaysia, dan dengan ini, mencadangkan kawasan aman. Ini dapat difaham, tetapi Kerajaan tidak mempunyai semangat hingga masa ini untuk memberitahu kedua-dua orang Russia dan Amerika bahawa Asia adalah untuk orang-orang Asia (Asia for the Asians). Ini tidak bermakna untuk berkata bahawa Asia akan terbiar kepada kuasa-kuasa yang lebih kuat orang-orang Asia untuk mencemarkannya. Apa yang ianya sepatut bermakna ialah bahawa Asia keseluruhannya, mestilah menyakinkan dunia seluruhnya mengenai kedaulatannya.

Sikap anti-kominis Malaysia samada di dalam atau lebih lagi di luar negeri, tidak akan memenangi satu nyawa pun di pihaknya. Adalah menjadi sifat sebelum diperlukan

dasar berkecuali bahawa Kerajaan tidak akan tunduk memihak mana-mana pihak. Sahabat-sahabat saya dan saya di dalam D.A.P. telah mengikuti perkembangan-perkembangan baru-baru ini menyetujui sikap berkecuali. Apa yang menjadi teka-teki orang-orang Malaysia ialah negara yang menyatakan dengan terbuka bahawa mereka menyokong dasar berkecuali tidak pernah pergi lebih endah dari itu, cuma apa yang telah disebutkan oleh Perdana Menteri Sri Lanka bila beliau berada di negara ini, selain itu Malaysia langsung tidak mendapat apa-apa sokongan dari luar negeri. Mengapa? Tuan Pengerusi, ini adalah satu point yang mustahak. Ini ialah satu cara diplomatik untuk menyatakan pendapat itu baik. Itu sahaja, lain tidak ada.

Ini berbeza dengan menyatakan bahawa Malaysia berhak dianggap sebagai seorang ahli satu kawasan aman dan bebas. Kedua sikap ini tidak serupa. Ini adalah perbezaan yang sangat baik yang tidak diiktiraf oleh Malaysia. Ini adalah satu perkara yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, "a very fine distinction." Buat sementara waktu, pendapat mengenai dasar berkecuali hanyalah satu impian sahaja. Ianya tidak akan berjaya kalau tidak adanya sikap bekerjasama lain-lain negara di Tenggara Asia.

Bagi Malaysia, penganggap-penganggap Malaysia mendapatinya sangat sukar untuk menangkap lojiknya pembawaan kepada dasar luarnya. Anggapan dengan itu timbul oleh Malaysia ialah dasar luarnya yang berdasarkan keadaan politik dalam negeri. Dunia kuat tidak akan menganggap Malaysia dengan kata-katanya. Kiranya dasar seperti itu menggembirakan orang-orang Amerika, ianya tidak akan menggembirakan orang China atau orang-orang Russia.

Bertambah buruknya pertelingkahan Sino-Soviet akan membawa negara-negara memihak-mihak. Sebarang pakatan di antara Soviet Union dan negara Asia Barat, *ipso facto* atau akan dengan maksud itu membawa fahaman semula jadi di antara Amerika Syarikat dan Republik China, untuk menyekat ancaman Russia di Asia Tenggara dan lain-lain tempat di bahagian dunia sebelah sini.

Negara-negara kecil di Tenggara Asia tidak ada jalan lain melainkan menyandar diri

mereka kepada sesebuah negara atau selainnya. Tidakkah ini akan menggoncangkan sahnya kawasan bebas?

Negara-negara kecil di Asia Tenggara terlalu lemah secara ketenteraan untuk menyekat kemaraan negara-negara kuat dunia dan sikap berkecuali adalah tidak mempunyai makna kiranya negara-negara kecil tidak berupaya menyediakan cukup ketenteraan untuk menemui bahaya kejatuhannya. Inilah keadaan di Malaysia hari ini dan saya dukacita membaca "Straits Echo" pagi ini Royal Malaysian Air Force (R.M.A.F.) sehingga ini sudah 20 tahun, tetapi saya berasa sangatlah malang membacanya bila R.M.A.F. overhaul engine kapal terbang itu akan dihantar kepada negara-negara di mana R.M.A.F. membelinya. Ini menunjukkan R.M.A.F., Army, Navy di Malaysia adalah lemah. Bila sesebuah negara lemah, kita langsung tidak boleh mengadakan neutrality. Di dalam sejarah pun ada contoh sebagaimana Cambodia.

Dalam peperangan Vietnam, Cambodia adalah dibom oleh Amerika sungguhpun Cambodia adalah sebuah negara yang berkecuali. Ini adalah satu lesson in history. Tempoh perkembangan politik antarabangsa berjalan begitu cepat dengan *detente* di Eropah sedang dalam proses hidup dan tamatnya peperangan Vietnam, Amerika Syarikat, Republik China dan Russia akan mara ke hadapan permainan kuasa antarabangsa yang baru iaitu "a second cold war" tetapi *detente* adalah satu perkara yang mungkin tidak akan berjaya. Dalam keadaan ini, lebih-lebih lagi konsep kawasan aman dan bebas tidak akan berjaya. Sikap Indonesia sekarang adalah juga anti-komunis. Ianya belum lagi memulihkan semula perhubungan diplomatiknya dengan negara Republik China. Kiranya pendapat kawasan bebas juga termasuk Indonesia, sebuah negara yang terbesar di sebelah sini, pendapat itu satu lagi kegagalan besar. Kiranya Indonesia bersikap anti-komunis sebagai Malaysia, ia tidak boleh secara logik memberi tempat kepada orang-orang komunis, kiranya ia tidak boleh adakah Russia atau Republik China akan membenarkannya memberi tempat kepada Amerika Syarikat atau lain-lain negara yang menjadi negara penentang kedua-dua gergasi komunis dunia. Sudah tentu tidak? Keputusannya sama juga.

Dengan keadaan yang tidak tentu di Thailand dan sikap Burma yang diam sahaja, kawasan aman tidak akan timbul atau terjadi.

Tuan Pengerusi, negara-negara Indo-China tidak akan campur, sudah tentu. Telunjuk sekarang ialah orang-orang yang berjiwa kebangsaan sekarang di Indo-China memandang pendapat itu seperti yang diasaskan oleh Malaysia dengan penuh kecurigaan. Saya tidak faham bagaimana Malaysia dan negara-negara ASEAN memberikan latar-belakangnya boleh menjadikan Asia Tenggara menjadi negara-negara berkecuali. Selepas 30 tahun bertempur dengan penuh semangat kepahlawanan, orang-orang Indo-China mempunyai sebab untuk berhati-hati. Apa yang sedang saya katakan bahawa kiranya Indo-China tidak memihak kepada pendapat kawasan bebas itu keseluruhan konsep itu adakah kosong malah mainan kanak-kanak sahaja.

Kemenangan orang-orang yang bersemangat kebangsaan di Indo-China telah meninggikan taraf mereka dalam darjat negara-negara di dunia. Ketidak-masukkan mereka atau ketidak-campuran mereka di dalam konsep berkecuali akan dianggap sebagai keputusan yang mudah tentang kejayaan atau kegagalannya.

Dalam hubungan ini saya menganggap orang-orang Burma terhormat. Burma mungkin negara miskin, tetapi dasar luarnya terutama sekali perhubungan baik ya g lama kekal di antara negara-negara tersebut dengan negeri Republik Rakyat China adalah satu kejayaan, satu contoh. Ini adalah kerana tidak seperti Malaysia, Burma dapat mengekalkan satu ruang di antara kepentingan-kepentingan ya g bercanggah di antara negara-negara kuat. Saya merayu Kerajaan supaya mengkaji cara yang diikuti oleh negeri Burma. Burma termasuk Cambodia hingga baru-baru ini telah memainkan peranan sebagai juara pihak berkecuali. Ini telah diakui oleh antarabangsa.

Hari ini, Tuan Pengerusi, Burma tidak disentuh, sejak ia mengambil jalan berkecuali di dalam keputusan-keputusan dasar luarnya, negara kedua mencuba ya selepas India menjadi perintis di dalam lapangan ini. Tetapi apakah yang telah berlaku kepada India hari ini? Dengan tidak menyentuh kemuliaan India dalam lapangan ini, India

tidak dapat memegangnya lagi selepas peperangan India-China dalam tahun enam puluhan. Permusuhan Indo-Pakistan seterusnya mendedahkan kemerbahayaan dasar berkecuali seperti itu. India mendapat sekutu kepada Russia.

Selagi Indo-China, Russia dan China menganggap pendapat kawasan bebas sebagai bloc anti-communist, secara kewilayahan dan secara politik selagi itulah permusuhan politik akan kekal hingga beberapa lama akan datang.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat? Sudah dekat 25 minit Ahli Yang Berhormat bercakap. Ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak bercakap. Minta dipendekkan. Ada beberapa minit lagi agak-agak?

Tuan Ngan Siang Hing: Agak-agak 5 hingga 10 minit. Ini akan seterusnya mengkaburkan pendapat satu kawasan aman dan bebas. Tidak ada negara ASEAN yang berkecuali atau akan menjadi berkecuali. Sikap anti-komunisnya dapat difahami antarabangsa.

Hingga hari ini, tidak ada negara-negara ASEAN yang berdaya membetulkan imejnya. Ini dengan sendirinya menjadi satu penghalang kepada sifat berkecuali. Yang lebih dahsyat lagi, keutuhan politik di negara-negara ini belum lagi dapat diterima secara antarabangsa terbit dari kegagalan Kerajaan negara-negara ini untuk mengasingkan mereka daripada kuasa-kuasa bloc Barat. Tiap-tiap sebuah negara sekarang terpaksa membuat harga, iaitu dunia lain tidak akan dapat memberi jaminan bahawa ASEAN akan ditinggalkan. Dan akhirnya, saya akan menyentuh sedikit berkenaan dengan perhubungan dengan negara Arab. Banyak negara-negara Arab tidak begitu gembira dengan Malaysia. Ini adalah perkembangan yang betul dalam perhubungan Malaysia-Arab. Apa yang dirasakan oleh negara-negara Arab ialah Malaysia terlampau banyak terpengaruh dengan pengaruh politik Anglo-Amerika.

D.A.P. mahu ianya diketahui di sini bahawa ia mahu Kerajaan memberikan lebih banyak sokongan yang aktif kepada orang-orang Arab Palestin yang sekarang sedang berjuang untuk hak hidup di dalam tanah tumpah darah mereka, iaitu Israel. D.A.P.

menyeru Kerajaan mengiktiraf **Palestinian Liberation Organisation** sebagai sebuah pihak yang berjuang untuk berkuasa dan supaya dikembalikan tanah tumpah darah mereka.

Palestinian Liberation Organisation (P.L.O.) adalah sebuah pertubuhan gerila dan oleh hal yang demikian, telah diiktiraf di Persidangan Geneva sebagai sebuah pertubuhan untuk berkuasa. Seperti juga orang-orang Palestin ialah orang-orang Arab, dan orang-orang Yahudi (Israeli) adalah lebih merupakan orang-orang Amerika dan British. Kiranya orang-orang Yahudi Amerika, British, Perancis, Jerman dibenarkan kembali ke Israel dan dianggap sebagai Warganegara Israel selepas tinggal di Eropah beberapa ratus tahun, kenapakah orang-orang Palestin Arab tidak dianggap seperti demikian. Kebetulanannya, orang-orang Palestin yang dilahirkan di Israel mempunyai lebih hak dari orang-orang Yahudi Eropah. Inilah jenis tekanan dan penipuan yang ditentang oleh D.A.P.

Dan akhirnya, D.A.P. akan terus berjuang untuk menyelesaikan masalah orang-orang Palestin Arab. Pendeknya, D.A.P. menyokong orang-orang Palestin Arab dan mengutuk Zionism antarabangsa seperti yang disokong oleh British, Amerika dan Perancis.

Tuan Pengerusi, saya mahu membuat rayuan di sini bahawa Kerajaan hendaklah mengiktiraf wakil-wakil P.L.O. yang ada di Kuala Lumpur hari ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, minta pendekkan sedikit ucapan kerana kalau boleh kita hendak habiskan petang ini juga.

5.10 ptg.

Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil peluang membahaskan mengenai peruntukan, di bawah Kementerian Luar Negeri. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam usaha-usahanya untuk merapatkan lagi perhubungan dengan negara-negara serantau dan apatah lagi saya sangat-sangat tertarik hati dengan penerangan yang diberikan oleh

Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terhadap peranan yang telah dan yang sedang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan itu.

Kepala B. 31, Pecahan-kepala 2300—Perhubungan

Tuan Pengerusi, di dalam usaha-usaha untuk merapatkan perhubungan ini apa yang menarik perhatian saya ialah berhubung dengan deklarasi Kuala Lumpur untuk menjadikan rantau Asia sebagai kawasan aman dan berkecuali.

Dalam hal ini apa yang kita pernah dengar tentang penyuaan yang kerap sangat diperkatakan oleh Menteri-menteri yang berkenaan ketika berkunjung ke luar negeri untuk memberikan penerangan-penerangan terhadap konsep Malaysia berhubung dengan pengisytiharan itu. Tetapi, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah sambutan dari negara-negara sahabat terhadap perisytiharan itu. Saya berpendapat jika sekiranya sahabat-sahabat yang berkenaan itu hanya setakat dapat memberi sokongan dengan melalui pertemuan-pertemuan dengan Menteri-menteri yang berkenaan yang mengunjungi negara-negara itu sahaja atau hanya melalui mass-media tentulah kurang kesannya.

Apa yang patut difikirkan oleh Kementerian Luar Negeri ialah mencari jalan cara mana dan bagaimana sokongan yang lebih konkrit terhadap perisytiharan itu dapat mereka lakukan samada melalui jaminan bertulis atau melalui perundingan rasmi berkaitan dengan hal keadaan tersebut. Hal ini sangatlah penting sekiranya hasrat perisytiharan itu hendak mencapai kepada kejayaan supaya dapat diterima oleh negara-negara jiran. Kita tidaklah mahu perisytiharan itu hanya tinggal setakat perkataan perisytiharan sahaja sedangkan campurtangan terhadap kesetabilan negara terus terganggu. Dalam hal ini Kementerian Luar Negeri perlu mempunyai sikap tegas supaya sebarang pencerobohan terhadap negara Malaysia tidak tergugat.

Di bawah Pecahan-kepala 1300, saya suka mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa penempatan Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri adalah penting kerana mereka ini adalah memainkan peranan di dalam usaha-usaha bagi memberi penerangan-penerangan atas dasar Kementerian Luar

kita itu. Bagaimana kita semua sedia maklum bahawa keadaan kedutaan Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan juga pegawai-pegawainya adalah sangat berkurangan dan dengan hal yang demikian, saya suka mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya tenaga Kedutaan-kedutaan kita itu diberi perhatian yang sepenuhnya bagi membolehkan pihak Kedutaan-kedutaan yang berkenaan itu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih sempurna dan tersusun sebagaimana saya katakan tadi dengan menambahkan lagi bilangan pegawai-pegawai dan kakitangannya supaya mereka ini dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang lebih berkesan lagi bagi menjaga nama baik negara Malaysia di mata dunia dan seterusnya untuk mendapatkan perhatian yang lebih terhadap negara kita. Perkara ini sangat penting kerana memandangkan kejadian-kejadian yang berlaku di setengah-setengah negara di mana terdapat warganegara kita melibatkan diri atau terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang boleh memburukkan imej negara Malaysia ini. Misalnya, kita telah dengar ada kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh warganegara Malaysia yang sedang berada di luar negeri menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan kehendak-kehendak negara itu sendiri seperti memburuk-burukkan nama baik negara Malaysia dan melibatkan diri di dalam tunjuk-tunjuk perasaan menentang Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat Malaysia ini.

Di dalam hal ini, kita patut memikirkan bagaimana perhubungan baik negara kita dengan negara-negara yang berkenaan sentiasa terjalin di dalam keadaan suasana baik dengan harapan mereka tidak memburukkan kegiatan-kegiatan warganegara Malaysia menjalankan sesuatu gerakan yang bertentangan dengan negara-negara itu sendiri.

Pegawai-pegawai Kedutaan kita di dalam hal ini hendaklah sentiasa dihubungi bagaimana mereka sentiasa berhubung dengan warganegara Malaysia yang berada di sesebuah negeri supaya mereka ini benar-benar memahami dengan segala bentuk dasar dan juga rancangan-rancangan pembangunan negara Malaysia ini termasuk di dalam usaha-usaha hendak mewujudkan satu masyarakat berbilang bangsa hidup di dalam keadaan suasana berbaik-baik dan muhibbah.

Di dalam hal ini saya suka mencadangkan supaya kerjasama yang erat di kalangan negara-negara ASEAN hendaklah diwujudkan terutama sekali di dalam masalah mencegah kejadian-kejadian penyeludupan di perairan khususnya di dalam hal penyeludupan senjata-senjata mahupun dadah serta lain-lain perkara yang dapat dijalankan bersama dengan lebih berkesan dan memuaskan oleh semua pihak.

Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

5.26 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan berkaitan dengan bekalan Kementerian Luar Negeri. Perkara yang pertama, saya ingin menyentuh Kepala B. 31, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian ini terutama sekali mereka yang ditugaskan di luar negeri kerana memberi layanan yang begitu baik kepada pelawat-pelawat daripada Malaysi apabila melawat tempat-tempat tersebut terutama sekali pegawai-pegawai daripada Tokyo, New York, Washington, Ottawa dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, saya juga patut memberi tahniah kepada pegawai-pegawai ini kerana menjalankan tugas mereka yang begitu cemerlang berkaitan dengan pergaulan pegawai-pegawai ini dengan counterpart-counterpart mereka di Kedutaan-kedutaan masing-masing. Tetapi bagaimanapun pada fikiran saya bukan itu sahaja tugas pegawai-pegawai ini kerana tugas mereka ialah menyebabkan kenyataan rasmi berkenaan dengan Malaysia di negara-negara asing. Ini bermakna bukan sahaja pergaulan mereka ditentukan kepada pegawai-pegawai daripada Kedutaan-kedutaan lain tetapi mereka juga perlu bercampur dengan masyarakat-masyarakat di tempat yang mereka ditugaskan kerana dengan ini sahajalah mereka ini dapat membina imej baik Malaysia dalam semua aspek, seperti kestabilan politik, pembangunan, kemajuan ekonomi, kebudayaan dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu mustahak sangatlah penempatan pegawai-pegawai ini dipilih betul-betul supaya mereka ini betul-betul Malaysian oriented. Dengan pula kita hendak pegawai

keluar negeri apabila sampai ke tempat dia ditugaskan maka namanya pun ditukar, misalnya daripada nama Melayu ditukar nama "Ben". Ini menunjukkan bahawa kalau kita sendiri tidak mengambil berat atau menghormati nama kita sendiri, macam mana pula masyarakat di tempat yang berkenaan itu hendak mengetahui kedudukan dan keadaan dalam Malaysia.

Tuan Pengerusi: Betulkah ada orang yang tukar nama kepada "Ben" ini?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Ada.

Tuan Pengerusi: Tidak payah disebut nama, saya ingat buat contoh sahaja. Jadi "Ben" ini daripada "Bin", begitukah? Saya tidak faham.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Mungkin, tetapi, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Boleh jadi nama dia sendiri.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Itu "Bin" tetapi ini "Ben".

Tuan Pengerusi: Ya. "Ben" ini boleh jadi nama dia sendiri. Saya tidak faham tentang hal ini. Sila samhung.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berkaitan dengan penerangan luar negeri. Pada fikiran saya Kementerian ini patut menerima hakikatnya bahawa kegiatan Kementerian ini dalam bidang ini memang tidak cukup. Apa-apa majallah yang berkaitan dengan Malaysia cuma diletakkan di Pejabat Kedutaan Malaysia sahaja tetapi tidak disebarkan misalnya di hotel-hotel antarabangsa. Ini pada fikiran saya mustahak kerana jangan kata rakyat misalnya Amerika, orang-orang Melayu di New York sendiri pun tidak faham apa-apa yang berlaku di negara Malaysia sungguhpun mereka sudah menjadi rakyat Amerika.

Berkaitan dengan penukaran pegawai-pegawai. Pada fikiran saya, apabila pegawai-pegawai ini ditukar mestilah jangan serentak sekali gus, semua mereka ditukar. Jikalau hendak tukar kereta baru biarlah pakai dreber yang lama dahulu. Misalnya kalau saya tidak silap Mission kita di New York saya ingat beberapa orang pegawai telah ditukar. Pada fikiran saya penukaran ini

mestilah dijalankan dalam jangka masa yang lebih luas supaya pegawai-pegawai baru ini dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan di tempat itu.

Banyak sudah diperkatakan berkaitan dengan kejadian di Colombo dan pada fikiran saya patut Kementerian ini menerima bahawasanya kita telah mengalami satu kegagalan. Tetapi bagaimanapun saya tidaklah begitu pessimistic seumpama Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang mengatakan dasar ini ialah cuma sebagai impian. Saya yakin dan percaya dengan usaha Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada satu masa negara-negara lain juga akan menerima tetapi bukanlah ini sebagai impian sebagaimana yang ditubuhkan oleh Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Saya juga tertarik hati dengan beliau seolah-olah mengagung-agungkan, mendewa-dewakan kejayaan yang berlaku di Indo-China seolah-olah Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah duduk di sana. Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak biasa duduk di sana adakah ini bermakna maklumat ini beliau cuma dapat daripada suratkhbar-suratkhbar.

Berkaitan dengan politik, pada fikiran saya dasar berkecuali ataupun dasar negara kita tidak berapa tetap (consistent). Apa yang kita dasarkan mestilah diamalkan. Misalnya kalau kita percaya kepada decolonisation, kita tidak seharusnya menyokong mana-mana negara yang mengamalkan kekerasan samada negara itu sahabat baik kita atau tidak, tidak semestinya. Mungkin tindakan sesebuah negara itu cuma membayangkan seolah-olah negara itu telah menghantar askar-askarnya ke negara luar tetapi pada pihak kita pada fikiran saya tidak sepatutnya kita mengambil peranan yang begitu kuat untuk menyokong tindakan negara ini walaupun negara ini ialah sahabat karib kita. Begitu juga tidak semestinya kita gentar apabila sebuah negara yang besar menggoyang rotan kepada kita. Ini saya nampak dalam sekejap masa saya berada di luar negeri inilah satu perkara pada fikiran saya yang menyebabkan kegagalan kita di Colombo.

Satu perkara lagi yang saya sendiri rasa sedih ataupun hairan apabila seorang itu menikam kita daripada belakang apakah kita mesti sanjung atau julang dia. Pada fikiran saya apabila seorang itu menikam

kita daripada belakang sungguhpun dia sanggup membalut semula luka itu tidak semestinya kita menghulur tangan, tidak semestinya kita menyambut mereka ini, tidak semestinya kita menghormati mereka ini. Dengan ini mungkin negara-negara lain boleh mengatakan bahawa kita betul-betul bersikap berkecuali.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di atas Kepala P. 31, Pecahan-kepala (1) Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Pada fikiran saya elok tiap-tiap tempat di luar negeri di mana kita menempatkan pegawai-pegawai kita elok bangunan-bangunan itu dibeli, sebab beli bangunan dan tanah bukan sebagaimana beli kereta, makin sehari harganya makin naik. Jadi tidak usahlah pihak Perbendaharaan khuatir apabila permohonan dan permintaan dibuat oleh Kementerian Luar Negeri untuk membeli tapak-tapak bangunan di luar negeri. Misalnya kalau saya tidak silap di Ottawa, saya ingat bangunan yang dibeli itu sekarang sudah berlipatganda harganya. Pada fikiran saya di mana-mana tempat di mana undang-undang negeri itu tidak menghadkan rakyat luar negeri membeli tempat yang sesuai, pada fikiran saya elok Kementerian Luar Negeri membeli dan janganlah Perbendaharaan menjadi sebagai satu halangan kepada hasrat ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

5.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, Kepala B. 31 Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Pada pendapat saya Kementerian Luar Negeri kita adalah amat baik dari segi ketegasan, cara berkecuali, begitu juga yang dijalankan sendiri oleh Menteri yang berkenaan dan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tetapi walau bagaimanapun, agak saya yang kadang-kadang usul kita ditolak disebabkan penyampaian orang yang kita wakilkan di sana untuk berutus dahulu sebelum daripada Menteri, kalau saya hendak kata tidak bijak tentulah tidak begitu baik tetapi tidak begitu memuaskan.

Sebagai bukti, Tuan Pengerusi, sebelum kita membuat satu-satu perhubungan, misalnya hendak meminang seorang gadis, sebelum menetapkan samada gadis itu akan diberi

atau tidak oleh bapanya maka ada satu orang perantaraan dahulu. Maka bapanya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menetapkan cara adat dan sebagainya, begitulah agak saya kepada Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri sendiri mengemukakan satu usul di dalam satu-satu persidangan hendaklah wakil-wakil yang ada memainkan peranan dalam apa corak dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ini di bawah Pecahan-kepala mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Kepala B. 31.

Tuan Pengerusi: Itu Kepala, Pecahan-kepala mana?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pecahan-kepala 1—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi: Pentadbiran Am banyak. Di bawah Pecahan-kepala mana? Berapa banyak Pecahan-kepala semua ada Aktiviti iaitu (1) Pentadbiran Am.

Tuan Shaari bin Jusoh: Perhubungan Luar Negeri.

Tuan Pengerusi: Ya, betul. Itu kepalanya, Kepala Bekalan 31. Pecahan-kepala berapa? 1100, 1600?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi, sebagaimana saya katakan tadi yang menjadi wakil duta, ini yang amat mustahak. Dengan sebab itu, saya mencadangkan tiap-tiap seorang yang akan menjadi duta, akan menjadi pegawai-pegawai di kedutaan hendaklah diberi kursus dahulu yang secukupnya, bukan setakat diberi briefing. Hari ini kita agak sedih, kadang-kadang perasaan orang kita di Malaysia, bila dia menganggap yang dia akan jadi duta, seolah-olah perasaan tidak baik ataupun satu kebinaan, bahkan kita marah seseorang bila dia akan dihantar jadi duta. Ini adalah satu keistimewaan, walaupun tidak istimewa. Tuhan utuskan Nabi ke dunia, tetapi biarlah ada satu keistimewaan yang dia dihantar jadi duta: dialah yang akan membuat perhubungan di satu-satu negeri untuk menjadi baik dan tidak baik. Ini yang

kita hendak. Dengan sebab itu saya berpendapat patut diberi kursus yang secukupnya, maklumlah kita akan pergi berjuang di satu negeri di segi perhubungan, di segi perniagaan dan sebagainya.

Kalau kita hantar satu-satu penerangan itu kadang-kadang kita terpaksa beri kursus berhari-hari inikan pula kalau hendak dijadikan duta atau pegawai, beri briefing sahaja, saya tidak begitu bersetuju. Saya amat sedih, sebagaimana dikatakan oleh wakil Pembangkang tadi seolah-olah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kurang diplomatik, kurang diplomasi. Ini tidak benar, saya kata bagaimana diplomatik, bagaimana diplomasi, kalau orang tidak faham perkara yang kita hadapi kadang-kadang benda yang tidak baik itu akan benar. Yang ajaib sekali, kita sebagai adat manusia, katakan saya seorang dari Perlis. Masih ada pelajar-pelajar yang berada di negara-negara lain yang kadang-kadang kita pergi sambutannya tidak baik. Tetapi kita sebagai manusia, contohnya saya sendiri. Bila saya mendengar ada satu tempat di mana pegawai-pegawai di situ daripada Perlis, kalaulah saya belum tahu pegawai ini baik ataupun tidak, datang satu kemesraan ingin hendak berjumpa pegawai tersebut, ingin hendak berhubung dengan lebih rapat lagi, kecuali kalau saya tahu daripada awal yang pegawai ini seorang yang tidak baik. Kadang-kadang bila kita pergi ke satu negara, mereka menunjuk perasaan dan menunjuk perkara-perkara yang tidak baik. Saya berpendapat ada satu anasir yang tidak baik memberi penerangan kepada pelajar-pelajar kita atau penduduk-penduduk yang ada di luar negeri. Dengan sebab itu, saya berharap pegawai-pegawai tadi hendaklah diberi kursus yang secukupnya dan sedalam-dalamnya menyampaikan kepada duta-duta atau kepada negeri-negeri yang berkenaan, khasnya kepada pelajar-pelajar atau kepada orang-orang yang masih ada di dalam negeri yang duta itu akan pergi dan seboleh-bolehnya biarlah satu-satu tempat itu kita pilih bahasa. Katalah negara Arab. Biarlah yang menjadi duta ataupun pegawai kalau tidak tahu sepenuhnya, sedikit sebanyak dia mesti tahu bahasa di negeri itu.

Begitu juga rombongan yang hendak dihantar pergi ke negeri-negeri yang berkenaan. Saya di sini atas nama negeri Perlis mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana baru-baru

ini telah menghantar satu rombongan termasuk salah seorang daripada Perlis iaitu Yang Berhormat dari Arau dihantar pergi ke Istanbul dan Turkey. Wakil seperti inilah yang saya contohkan. Bukanlah sebab negeri ataupun di tempat saya ini dihantar tetapi yang saya maksudkan wakil berkenaan. Wakil berkenaan yang dihantar ke Istanbul dan Turkey tahu bercakap bahasa Arab dan wakil itupun yang tahu negeri Arab. Jadi, janganlah orang yang hendak kita hantar itu tidak tahu mana-mana kerana perhubungan kasih sayang kena ada daripada mula. Bila mula terbit dia faham, di situlah baharu datang kemesraan. Sungguhpun kita tahu bahasa Inggeris adalah satu bahasa dunia tetapi kalau dia tahu bahasa lain ini tambah baik. Misalnya, kita hendak menghantar duta-duta ke Siam, sepatutnya duta itu sedikit sebanyak mesti tahu adat orang Siam. Kalau berjumpa mengucapkan: "Sawadikah". Itu sebagai satu syarat bagi orang di sana, mereka merasa cukup seronok, kalau berjumpa diucapkan "Sawadikah". Ini satu kemesraan sebelum ada perkara-perkara lain. Begitulah saya berpendapat kalau hendak dihantar ke India atau ke mana pun, bahasa ini patutlah, kalau boleh kita cari orang yang tahu bahasa ini. Barulah tiap-tiap yang hendak menjadi wakil ataupun pegawai negeri yang berkenaan mereka dapat keistimewaan dan dapat menyampaikan apa-apa hasrat kita di sini. Saya harap pegawai-pegawai yang berkenaan akan dapat memainkan peranan yang penting untuk kebaikan negara kita.

Tuan Pengerusi, sebagaimana juga berlaku di luar negeri, kadang-kadang kita amat sedih. Saya biasa mendengar ada setengah orang menyatakan yang mereka tidak tahu di mana Malaysia. Bahkan mereka lebih tahu negara Singapura yang lebih kecil daripada negara kita. Ini amat menyedihkan. Apalah yang dibuat oleh duta kita, apalah yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita, kita amat sedih. Saya sangat bersetuju di sini kerana dalam cara protokol itu diberi sedikit, kerana kita ini kadang-kadang protokol itulah yang menjadi perkara yang tidak baik. Silap sedikit protokol, adat. Saya tidak kata jangan tidak mengikut protokol langsung, baik dari segi bercakap, dari segi pergaulan, dari segi teknik, segi diplomatik, tetapi saya berpendapat asalkan benda itu tidak haram di segi undang-undang negara kita, ajarlah pegawai-pegawai kita ini, suruh menari mengikut gendang yang dipalu oleh negeri

tersebut. Tetapi janganlah mereka menari tidak tentu arah. Kalau gendang itu agaknya disahkan oleh negeri itu atau negeri kita, kita ikutlah menari bagaimana gendang yang dipalu oleh Menteri yang berkenaan. Saya tidak suruh mengikut cara komunis, tetapi cara sosial sedikit kita ikut asalkan kita boleh hidup. Begitu juga kalau cara keislaman, kita ikut cara Islam, tetapi yang lain janganlah terkeluar daripada garisan kita langsung.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya berharap duta-duta ini juga biarlah serba boleh. Di segi ekonomi mereka mahir kerana kita tahu duta-duta ini sebagai pegawai-pegawai perantara, mereka tahu apa yang ada dalam negara itu. Yang patut dihantar oleh negara kita Malaysia supaya Menteri yang berkenaan boleh berhubung dengan Kementerian yang berkenaan dan Kementerian yang berkenaan boleh berhubung dengan Menteri Perdagangan. Ini yang patut kita mencari bahan di sini kita hantar ke Arab misalnya. Saya dapat tahu baru-baru ini Arab hendak meminta banyak—kalau boleh, tayar daripada Malaysia. Tetapi malangnya tayar kita ini katanya tidak ada tayar yang besar sedangkan Arab berkehendakkan tayar yang besar. Tidakkah saya mengatakan ini tepat tetapi saya biasa mendengar daripada orang perdagangan, pihak Arab Saudi ataupun Timur Tengah berkehendakkan tayar. Kita carilah tempat-tempat yang seperti ini. Apa bahan-bahan kita yang ada di sini yang mana wakil-wakil kita sebelum mereka pergi mereka tahu, bahan-bahan ini yang banyak di Malaysia, di mana tempat mereka pergi, mereka akan mencari, balik beritahu kepada Menteri Luar dan Menteri Luar berhubung dengan Menteri Penerangan, hantar perkara ini. Dan di mana tempat di sana banyak, di sini mahal, kita beri program, buka dan ambil daripada tempat itu, jangan kita gunakan kontrek sahaja, daripada dawai itu samada mahal atau murah kita pinjam, bayar barang yang mahal itu bila membeli barang yang mahal itu. Dengan sebab itu saya berpendapat patutlah perkara ini dikaji semula supaya lebih baik.

Akhir sekali, berkenaan dengan pegawai-pegawai di kedutaan ini pun kita berasa tentulah orang yang sanggup meninggalkan negara, kadang-kadang sanggup meninggalkan ibu-bapa dan yang sedihnya kadang-kadang anak-anak mereka yang bersekolah amatlah payah, hendak menyesuaikan dengan tempat berkenaan. Jadi, saya berpendapat

patutlah kita membuat perhubungan supaya dapat anak-anak pegawai daripada kedutaan ini belajar dengan mudah lagi. Kalau kata mereka ini hendak balik belajar di negeri kita Malaysia, agak saya tentulah payah, duta-duta ini pun selalu bertukar sebagai mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi.

Tetapi walau bagaimanapun saya dengar rungutan dan kesedihan mengenai perkara ini daripada anak-anak pegawai-pegawai kedutaan itu sendiri. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji perkara yang saya nyatakan tadi dan saya berharap bagaimana saya sebutkan tadi biarlah kedutaan itu dipandang oleh siapa yang akan menjadi duta adalah satu keistimewaan. Janganlah pula bila tidak ada tempat hendak telan, tidak boleh hendak luah, jadi dutalah dia. Dan yang saya sedih lagi saya biasa mendengar orang-orang yang kena buang daerah. Dia tidak kata dia itu kena buang daerah, tetapi ada satu kalimah baru kalau katanya: mana pergi hamba Allah dahulu, tidak pernah nampak. Bukan kerana mencuri, bukan kerana buat salah, kononnya sudah jadi duta. Jadi, berarti kalau orang itu di-buang daripada Perlis, datang ke Selangor, bukan dia kena buang daerah, dia sudah pergi jadi duta di Tanjung Karang atau jadi duta di Pahang dan sebagainya. Jadi, diambilnya kalimah orang yang kena buang itu kalimah duta. Kita tidak mahu lagi. Kita mahu duta adalah satu tugas yang baik yaitu wakil negara. Baiknya duta atau wakil negara itu membawalah kebaikan kepada negara kita.

5.49 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit sahaja dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Luar Negeri yang jumlah \$49,650,000 ini. Saya hanya suka menyentuh dalam Kepala P. 31, Pecahan-kepala 2300, Aktiviti (2), (3) dan (5).

Dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana kebetulan keadaan negara kita sekarang ini sedang menghadapi ancaman komunis dan masaalah ancaman komunis ini sebagaimana kita ketahui bahawa komunis-komunis ini ada di seluruh dunia dan mungkin kita tidak dapat menafikan bahawa

kominis-kominis yang ada di dalam negara kita ini juga mendapat sokongan samada moral ataupun material daripada kominis-kominis di luar negeri. Di saat-saat yang akhir ini banyak ataupun sejumlah besar daripada peruntukan wang perbelanjaan di negara kita ini diperuntukkan bagi keselamatan dalam negara kita, khususnya untuk mempertahankan negara kita daripada dipengaruhi ataupun ditakluki oleh kominis. Tetapi satu perkara yang menghairankan saya, Tuan Pengerusi, di dalam saat kita bersungguh-sungguh menentang kominis pihak Pembangkang yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, dalam hujjah-hujjah dan dalam cakap-cakapnya seolah-olah mereka itu mahu supaya negara kita ini memihak kepada blok-blok kominis. Ini adalah suatu pandangan yang amat mengecewakan. Sepatutnya pihak Pembangkang di dalam Dewan ini, di dalam saat negara kita menghadapi ancaman kominis ini patut memberi sokongan yang kuat kepada Kerajaan kita yang hendak menentang pengaruh kominis daripada luar negeri atau daripada dalam negeri. Walau bagaimana gaya sekali pun, sepatutnya pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang di dalam saat menghadapi ancaman musuh negara hendaklah bersatu, kecualilah negara kita sudah bebas daripada ancaman kominis ini. Pada waktu itu saya fikir bolehlah kalau pihak Pembangkang hendak menyuarkan perasaan-perasaan partinya. Ini satu gambaran atau satu bayangan kepada kita yang dapat kita gambarkan bahawa parti Pembangkang yang ada di dalam Dewan ini mahu supaya Kerajaan kita memihak kepada negara-negara blok kominis.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga saya meminta Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi sungguh-sungguh akan kedutaan-kedutaan daripada negara-negara kominis yang ada di dalam negara kita ini. Saya diberitahu, samada benar atau tidak benar, sebab saya sendiri belum pernah melawat negara-negara kominis ini, tetapi apa yang diberitahu kepada saya orang-orang di kedutaan kita di negara-negara kominis tidak diberi kebebasan yang sewajarnya sebagai anggota-anggota kedutaan kita di negara-negara kominis. Kalau benar dakwaan ini maka amatlah sesuai dan baik sekali bahawa negara kita juga mengawasi benar-benar akan kedutaan-kedutaan negara-negara kominis yang ada di dalam negara kita ini. Bukanlah bererti kita

hendak bermusuhan dengan kedutaan-kedutaan kominis yang ada di dalam negara kita ini tetapi apa yang saya tekankan ialah mengawasi segala gerak-geri dan segala tindakan mereka itu supaya tidak memberi kesempatan kepada mereka yang berada di dalam negara kita ini memberi sokongan dan pertolongan samada moral, material ataupun sebagainya. Mudah-mudahan sekurang-kurangnya pejuang-pejuang kominis yang ada di dalam negara kita ini tidak merasa mereka itu diberi pertolongan ataupun mereka itu tidak merasa bangga bahawa mereka itu berjuang walaupun di dalam hutan tetapi tidak berseorangan. Jadi apa yang kita mahu supaya kominis-kominis yang ada di dalam hutan di negara kita ini merasa berseorangan tidak mendapat sokongan daripada negara-negara kominis yang besar yang mempunyai kedutaan-kedutaan di dalam negara kita ini. Tuan Pengerusi, saya berpendapat demikian oleh kerana di saat-saat akhir ini apa yang diberitahu kepada kita semua, kominis ini telah mula memainkan berbagai-bagai cara dan jarum termasuk cara-cara dakwah ataupun sebagainya. Sejauh manakah kebenaran ini, saya tidak dapat ketahui, tetapi apa yang saya mahu supaya Kerajaan kita berhati-hati dan mengambil berat serta mengawasi apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya sama juga berpendapat dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini tentang masalah penerangan, ataupun kakitangan penerangan kita di luar negeri. Saya tidak tahu apa kesulitan sebenarnya yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Penerangan kita yang berada di luar negeri bagi memperkenalkan negara kita, bagi membela negara kita dan bagi menarik negara-negara luar berhubung rapat dengan negara kita khususnya sebagaimana yang telah diperkatakan ialah negara-negara Arab yang sehingga sekarang ini kita masih belum dapat berbangga lagi bahawa hubungan negara kita dengan negara-negara Arab itu benar-benar dalam ertikata hubungan yang rapat samada dari segi kebudayaan, perdagangan ataupun sebagainya. Jadi dalam masalah ini saya mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji dan menimbangkan dengan sewajarnya supaya penerangan kita di luar negeri dilipatgandakan lagi, mudah-mudahan negara-negara yang saya sebutkan tadi benar-benar rapat dalam ertikata perhubungan yang

rapat dari segi perdagangan, kebudayaan dan lebih-lebih lagi hubungan dari segi keagamaan yang memang hubungan ini bagaimana yang kita ketahui kebanyakan negara-negara Arab itu orang-orangnya beragama Islam dan kita di sini pun kebanyakannya beragama Islam.

Inilah yang saya harapkan, Tuan Pengerusi.

6.00 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong di atas perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri—Kepala Bekalan 31 dan Kepala Pembangunan 31 berjumlah \$49,650.

Saya menarik perhatian Dewan ini di atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kinta. Ahli Yang Berhormat dari Kinta mengemukakan ataupun mengemukakan dasar luar negeri yang sudah berjalan begitu lama dan diakui di seluruh dunia. Dalam hal ini Yang Berhormat dari Kinta menyatakan khasnya bagi dasar luar negeri kita dan ada kaitannya pula dengan ASEAN. Dengan sendirinya Ahli Yang Berhormat dari Kinta menyatakan dasar luar negeri bagi negara-negara ASEAN bukanlah berkecuali sebenarnya. Dalam hal ini, negara kita sudahpun mengadakan perhubungan dengan Hanoi. Adakah dengan sebab ada perhubungan ini maka dikatakan negara kita tidak berkecuali sepertimana yang diperkatakan. Atau pun pada suatu masa, pada masa negara kita tidak ada perhubungan dengan China dikatakan negeri kita tidak berkecuali dengan sepenuhnya dan akhirnya apabila sahaja negara kita ada perhubungan dengan China, maka dikatakan negara kita tidak berkecuali dengan sepenuhnya juga. Ertinya, apakah perkecualian yang sebaik-baiknya yang dikehendaki. Pada hal kita sedar dunia sudahpun mengakui Malaysia sebuah negara berkecuali dan di mana-mana ada persidangan antarabangsa Malaysia dianggap negara berkecuali, baik di Bangsa-bangsa Bersatu, di Geneva dan akhirnya sekali persidangan besar di Colombo.

Di dalam hal ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya dapat memberi penjelasan yang sebaik-baiknya kerana kemungkinan dasar berkecuali yang sudah ujud bagi kebaikan negara kita

ini tidak dapat difahami keseluruhannya dan mungkin cara yang begini pula ada pihak-pihak lain khasnya penuntut-penuntut yang berada di luar negeri pun mungkin tidak dapat memahami atau menjadi kekeliruan kepada mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, negara kita telah mengadakan perhubungan dengan 40 buah negara dan yang akhir sekali Hanoi, kalau tidak silap saya dengan itu sudah menjadi 41 negara dan saya percaya banyak lagi negara-negara mungkin mengadakan perhubungan dengan negara kita.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya juga mengalu-ngalukan langkah Kerajaan mengadakan perhubungan dengan Hanoi dan Duta kita telahpun dihantar ke sana. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan perhubungan Malaysia dengan negara Thailand yakni sebuah negara anggota ASEAN. Pada satu masa dahulu negeri Thailand mempunyai satu keadaan yang berlainan sedikit tetapi sekarang sudah ada perubahan dan kita harap ada kemungkinan perhubungan yang bertambah erat lagi di antara Malaysia dengan Thailand dan di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN supaya dapat membuktikan jika ada satu persidangan lagi pada satu masa kelak dengan menyatakan bahawa negara kita ini dan negara-negara ASEAN ialah satu kawasan negara-negara berkecuali yang termasuk Singapura, Indonesia, Philippines, Thailand dan Malaysia.

Saya beralih kepada Pecahan-kepala 2300. Di dalam hal ini saya ingin menyebut berkenaan dengan penerangan luar negeri. Pada tiap-tiap tahun apabila sahaja negara menyambut Hari Kebangsaan, Hari Ulang Tahun Kemerdekaan, saya yakin kedutaan kita di luar-luar negeri mengadakan perayaan yang sama dan menjemput wakil-wakil negara-negara lain meraikan Majlis tersebut. Sungguh pun begitu, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pada masa yang sama juga jika dapat kedutaan-kedutaan di luar negeri mengadakan satu pertunjukan perdagangan supaya hasil-hasil negara ini dapat ditunjukkan kepada wakil-wakil daripada luar negeri dan rakyat di negeri-negeri tersebut. Dengan cara ini akan dapat menarik perhatian pelabur-pelabur asing untuk melihat, mengkaji dan mempelajari supaya mereka tidak

diabui atau tidak disamar-samarkan oleh pihak-pihak lain yang tidak mengatakan sebenarnya tentang keadaan negara kita. Tetapi jika kita dapat membuktikan kepada mereka melalui penerangan pertunjukan hasil negara kita, ada kemungkinan pelabur-pelabur asing ini tidak akan ragu-ragu dan apabila keadaan mungkin mengelirukan mereka boleh menyaksikan lagi pada masa ulang tahun yang berikutnya apabila pertunjukan perdagangan dapat diadakan lagi oleh pihak Kedutaan dan Suruhanjaya-suruhanjaya Malaysia di luar negeri.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penuntut-penuntut di luar negeri kalau tidak silap saya di London sahaja ada 12,000 orang dan mungkin di negeri-negeri yang lain pun ramai juga. Tetapi sebagai rakyat, adakah mereka ini dapat mengikuti penerangan-penerangan yang lengkap khasnya daripada Kerajaan. Kalau mereka dapat mengikuti adakah mereka ini dapat penerangan di waktu yang akhir apabila pihak-pihak yang lain pula memberi penerangan dahulu daripada pihak Kerajaan sendiri. Di dalam hal ini, saya dapati peruntukan penerangan luar negeri pada tahun 1976 sebanyak \$4,519,009 tetapi pada tahun 1977 telah turun menjadi \$3,898,090. Apabila saya kata begini saya tidak nampak samada Kementerian ini boleh melaksanakan tugasnya, oleh kerana peruntukannya sudah kurang daripada tahun lepas. Oleh sebab itu, peruntukan ini hendaklah dikaji semula oleh kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyeru supaya penerangan-penerangan kepada rakyat negara kita khasnya penuntut-penuntut di luar negeri diberi dan dapat memahami. Misalnya, keadaan negara pada masa sekarang, saya bimbang kalau ada pihak-pihak di negeri-negeri lain mengambil kesempatan memberi penerangan yang salah. Misalnya, persidangan Dewan ini berkenaan dengan Belanjawan negara, kita takut juga mereka tidak dapat mengikuti Belanjawan ini berkenaan dengan cukai dan sebagainya. Kita takut mereka ini juga akan mendapat penerangan yang salah dan daripada penerangan-penerangan yang salah ini mungkin menyebabkan mereka kurang yakin kepada Kerajaan yang memerintah pada masa sekarang. Pada hal, Kerajaan yang memerintah sekarang sudah mencukupi bagi berbagai-bagai lapangan untuk kemajuan negara dan sebagainya. Tetapi oleh kerana masalah penerangan ini kurang kepada

penuntut-penuntut dan rakyat-rakyat kita yang masih berada di luar negeri menyebabkan kekeliruan, almaklumlah sahaja kadang-kadang berita-berita daripada akhbar-akhbar luar negeri lebih dahulu mereka baca tetapi kalau pembacaan mereka ini dibiarkan tidak akan dapat diberi penerangan yang sebenarnya. Oleh sebab itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri masalah ini patutlah diatasi. Walaupun peruntukan ini sudah dikurangkan, tetapi ada baiknya mengkaji semula dan ditambah supaya rakyat kita di luar negeri dapat memahaminya.

Kadang-kadang, Tuan Pengerusi, masalah pemerintahan, masalah hal-hal mengenai dengan Kerajaan, rakyat di dalam negeri ini pun tidak dapat memahami dengan sebenarnya, tambahan pula kepada rakyat yang berada jauh di luar negeri yang telah tinggal di sana beberapa tahun. Kemungkinan mereka ini akan dipengaruhi oleh Kerajaan-kerajaan yang mereka berada di tempat tersebut. Oleh sebab itu di atas hal ini saya menyokong kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya Kerajaan dapat mengkaji perkara ini dengan sebaik-baiknya dan dapat peruntukan itu ditambah seperti mana yang telah dikurangkan bagi tahun 1977 ini. Pada hal masalah ini penting seperti mana juga masalah berkenaan dengan keselamatan, penting kepada negara kita, masalah penerangan di luar negeri pun penting juga untuk dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri.

6.12 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini yang mana berminat dari segi dasar luar negeri sehingga sebelas orang yang mengambil bahagian di dalam perbincangan ini.

Saya suka memberikan pandangan-pandangan dan juga jawapan-jawapan kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga jikalau saya tidak begitu specific di atas jawapan-jawapan dan sebagai dasarnya, saya akan menjawab apa-apa teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jikalau tidak ada apa-apa jawapan, Kementerian saya akan mengambil semua perhatian yang telahpun

dibuat mengenai pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Pertamanya, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang telah memberi pandangan dan telah mengatakan iaitu nampaknya beliau memahami di atas kedudukan yang telahpun berlaku di Colombo tatkala Persidangan Ketua-ketua Negara Berkecuali pada bulan Ogos baru-baru ini. Soal kita atau dasar kita yang penting pada saat ini ialah konsep aman, bebas dan berkecuali yang mana saya suka menerangkan kepada Dewan ini seperti mana yang saya telah jelaskan di dalam jawapan-jawapan saya pada beberapa hari yang sudah. Konsep ini telahpun diterima. Dari pada kajian saya dan daripada kajian Wisma Putra, boleh dikatakan kebanyakan negara menerima konsep ini dan apa yang telah kita lihat iaitu di dalam Persidangan di Colombo ini ada melahirkan kecurigaan seperti Laos dan Vietnam di atas konsep ini. Kita tahu kenapakah negara ini mungkin tidak dapat menerima, oleh sebab ini satu konsep yang baru untuk kita menjelaskan. Jikalau kita lihat kepada konsep-konsep yang sama seperti concept "Zone of Peace in the Indian Ocean" dan juga concept the neutralization in Latin America juga konsep free nuclear kawasan di sub-continent Asia ini. Maka kita tidak perlu bimbang oleh sebab konsep ini bukan tidak diterima tetapi oleh sebab kesuntukan masa.

Malangnya Ahli Yang Berhormat dari Kinta tidak ada di sini untuk saya memberi penjelasan ini yang pada anggapan beliau ini ialah satu kegagalan. Sebenarnya seperti mana yang telah saya terangkan dan mungkin beliau tidak suka mengetahui yang sebenarnya apa yang berlaku. Perkara ini tidak langsung dibincangkan di dalam jawatankuasa politik (political committee) dan juga di dalam jawatankuasa penggubal (drafting committee) oleh sebab kesuntukan masa, kerana cara-cara yang telah diamalkan di Colombo ini boleh dikatakan diikuti atau diamalkan di dalam Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations). Saya telah menerangkan pada masa yang lampau iaitu di Bangsa-bangsa Bersatu, bahawa sesuatu perkara yang dibincangkan, akan mengambil masa tidak kurang dari 2½ bulan iaitu daripada pertengahan bulan September sehingga

akhirnya sampai berdekatan dengan Krismas, lebih kurang tiga bulan untuk membincangkan masalah-masalah, item-item di dalam agenda yang boleh dikatakan sama seperti apa yang dikemukakan di dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

Konsep ini telahpun dikemukakan bukan oleh Malaysia di Colombo yang diketahui oleh tuan rumahnya sendiri, iaitu Sri Lanka di bawah tajuk: ASEAN Declaration (Deklarasi ASEAN) untuk mengadakan kawasan aman, bebas dan berkecuali. Tetapi apabila kita sampai di sana, kita menukarkan tajuknya kepada cadangan Asia Tenggara untuk dijadikan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali. Ini satu fahaman yang mana kita telah terangkan konsep ini, iaitu bukan konsep ASEAN, bukan satu projek ASEAN tetapi adalah satu konsep berasingan daripada ASEAN. Oleh sebab item ini letaknya adalah terkebelakang sedikit dan kita telahpun membincangkan selama empat hari empat malam. Mereka yang berada di sana oleh sebab kesuntukan masa merujuk kepada Persidangan Menteri-menteri Luar, malangnya Menteri-menteri Luar kesuntukan masa maka tidak dapat dibincangkan. Pengerusi dengan tidak ada syor-syor daripada negara-negara lain atau daripada Malaysia ataupun daripada Laos yang mencadangkan satu text yang lain oleh Laos hanya memutuskan perkara ini untuk dibincangkan di dalam Biro non-aligned di New York. Jadi oleh kerana itu, ini bukanlah dikatakan gagal, tidak diterima, tetapi tidak dapat dibincangkan.

Saya suka menerangkan kepada Dewan ini khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kinta yang tidak memahami dengan sedalam-dalamnya keadaan di atas kedudukan ini dan malangnya pula di saat ini beliau tidak ada untuk mendengar penjelasan ini supaya beliau faham dengan se jelasnya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang mengatakan ini bukan kegagalan kerana ini adalah satu perkara biasa, kata beliau, di dalam sesuatu issue persoalan yang bukan kecil ini satu konsep zone of peace, freedom and neutrality, satu konsep yang besar. Kita lihat jikalau kepada soalan yang besar, issue yang besar, kadang-kadang 15 tahun satu perkara yang sama dibincangkan, masih tidak dapat kemajuan, tetapi kita telah

mendapat kemajuan seperti yang ada sekarang ini untuk kita majukan supaya negara-negara di dalam dunia ini menerima konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara ini. Bahkan konsep ini bermula dari tahun 1971, lima tahun sahaja, jikalau kita bandingkan dengan perkara yang telah berlaku, 15 tahun di satu tempat di atas konsep yang sama, tidak dapat memajukan konsep ini. Jadi dalam saat ini, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas di atas fahaman beliau, di atas perkara ini yang mana kita mesti sabar. Sabar itulah yang menjadikan satu ibu kepada kejayaan kita pada akhirnya jikalau kita mengekalkan kesabaran kita.

Kita ketahui bahawa dasar ini adalah satu dasar yang boleh dikatakan lahirnya dari pada persetujuan negara-negara iaitu Indonesia, Singapura, Philippines dan Thailand. Negara ini adalah dalam kumpulan negara ASEAN yang kita ketahui sebagai penerangan saya di dalam masa soal jawab sebentar tadi dan persetujuan Deklarasi Kuala Lumpur ini pada tahun 1971 pada saat di mana pergolakan di Indo-China sangatlah tinggi, iaitu peperangan di Indo-China, negara-negara yang terlibat di dalam hal ini. Konsep ini belum diberi penjelasan lagi dengan telitinya. Saya teringat kepada pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa jikalau kita hendak memining anak gadis orang, perlulah kita bertanya-tanya dahulu; jangan kita pergi terus ke rumahnya, dan terus mengatakan: saya hendakkan anak tuan. Jawapannya belum diketahui lagi samada "ya" atau "tidak". Kita ada program, cara manakah, bilakah masanya, bilakah kita akan bawa ke Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) untuk pengumumannya. Saya telah menceritakan kepada Dewan ini, Tuan Pengerusi, di dalam perjumpaan di antara 20 Menteri-menteri Luar yang saya jumpa tatkala saya berada di New York dalam bulan yang lepas, tidak ada satu Menteri Luar pun yang mengatakan beliau tidak terima di atas konsep ini dan saya suka memberitahu wakil dari Pembangkang, iaitu boleh dikatakan kebanyakan negara menerima di atas konsep ini dan saya telah menjelaskan di dalam Dewan ini bukan sekali, bukan dua, bukan tiga, bahkan berkali-kali mengatakan bahawa negara Commonwealth telahpun bersetuju di atas

konsep ini, menerima di atas dasar berkecuali dan juga negara-negara berkecuali sendiri telahpun menerima pada tahun 1973 di Algiers dan negara-negara ini mengandungi kalau dijumlahkan semua, boleh dikatakan lebih daripada 100 negara. Ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini berjumlah lebih kurang 145. Jikalau kita mengadakan tidak kurang daripada 100 ahli-ahli yang bersetuju di atas konsep ini, ini telah mengesahkan di dalam definisi di mana keputusan diambil cara yang diamalkan oleh negara-negara berkecuali. Ini disifatkan consensus, Tuan Pengerusi.

Kita ketahui concept neutrality atau berkecuali ini satu perkara yang lama. Kita ketahui concept neutrality ini pada tahun lima puluhan telahpun disuarakan oleh De Gaulle dan juga disuarakan di atas perisytiharan itu oleh Presiden Johnson pada tahun lima puluhan dan kita ketahui ada negara-negara yang tidak menerima konsep neutrality atas sebab-sebab yang tertentu, tetapi selepas peperangan di Indo-China, saya rasa konsep ini boleh dikatakan sesuai lagi daripada tahun 1971 apa yang terdapat keadaan di serantau negara kita ini. Jadi konsep 1971 ialah satu konsep yang valid, yang laku, bukanlah pada masa tahun 1971 bahkan juga pada tahun 1976, 1977 dan sehinggalah saya rasa pada hari kiamat. Itu-lah valid konsep ini, maka saya rasa perlu lah saya menjelaskan di Dewan ini, iaitu kita hendak membincangkan satu soal yang penting.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta mengatakan konsep ini adalah konsep kanak-kanak. Sekarang saya kata ini bukan konsep kanak-kanak. Kalau beliau mengatakan konsep ini ialah konsep kanak-kanak, maka beliau-lah yang saya rasa kanak-kanak. Jikalau beliau tidak tahu dengan sejas-jelasnya akan konsep ini, kerana ini semua telah menjadikan session di dalam di dunia di South Pacific, di Latin America, di Indian Ocean, di Subcontinent Asia, hendak menjadikan satu kawasan aman, bebas dan berkecuali. Sebaliknya, saya tidak ketahui yang beliau ini tidak menyokong atas konsep ini dan sebaliknya mengatakan kita tidak memperjuangkan dasar non-aligned oleh sebab kita tidak menerima communism di dalam negeri kita. Saya suka menjelaskan kepada Ahli dari Kinta bahawa ancaman komunis tidak boleh dinafikan ialah satu ancaman yang menjadikan satu ancaman meruntuhkan adat-resam

adat cara negara kita, kehidupan rakyat kita di dalam negara kita ini iaitu demokrasi berparlimen. Saya tidak faham, adakah beliau menyokongnya, menyokong ancaman komunis sekarang ini? Itu saya tidak faham dengan apa yang diperkatakan di dalam Dewan ini sebentar tadi. Jikalau beliau memahami dengan sejelas-jelasnya, saya percaya beliau boleh memahami iaitu konsep ini ialah satu konsep yang perlu disokong oleh pihak Pembangkang.

Saya suka mengucapkan terima kasih di atas Dasar Pancasila yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang mana kita sama-sama mengamalkannya. Kita tidak suka campur tangan mengenai hal-hal di dalam negara asing dan kita juga tidak suka yang negara asing campur tangan di dalam negara kita. Itulah sebabnya kita mengadakan concept zone of peace, freedom and neutrality—konsep

kawasan aman, bebas dan berkecuali. Jikalau kita tidak mengadakan konsep ini, kuasa-kuasa besar akan menggunakan kawasan kita ini sebagai satu arena, sebagai satu theatre yang mana akan membuat satu perkara, yang negara kita sebuah negara kecil akan menjadi mangsa.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat Menteri hendak menyambungnyanya esok?

Tengku Datuk Ahmad Rithanddeen Al-haj: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga 2.30 petang, hari Khamis, 18hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.